

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

[DRAF AWAL]

**HARI KHAMIS
5 RAMADAN 1446
BERSAMAAN 6 MAC 2025
(HARI KEENAM)**

DEWAN MAJLIS

Hari Khamis, 5 Ramadan 1446 / 6 Mac 2025

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.
Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya’akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail, Pemangku Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari keenam, pada hari ini Khamis, 5 Ramadan 1446 bersamaan 6 Mac 2025 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang, Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini untuk bersidang bagi hari keenam dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Saiyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita akan memulakan hari ini dengan Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Waktu pertanyaan bagi jawab lisan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang beralih pada waktu pertanyaan. Sebagaimana lazimnya, waktu ini akan dihadkan kepada satu jam dan Yang Berhormat Menteri diberikan masa 10 minit bagi menjawab setiap pertanyaan.

Mana-mana pertanyaan yang tersenarai di dalam Perintah Harian tetapi tidak sempat dijawab, akan dijawab secara bertulis dan akan diterbitkan dalam talian sebagai Dokumen Rasmi Majlis Mesyuarat Negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di hadapan kita sekarang terdapat pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan tetapi sebelum itu saya sukacita memberikan penerangan selanjutnya bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut peraturan yang kita tetapkan boleh memberikan *supplementary questions* ataupun soalan tambahan dan soalan tambahan ini ada dibenarkan untuk mendapatkan penjelasan dan penerangan lanjut yang berkaitan dengan pertanyaan yang ditujukan atau yang diajukan.

Dan pertanyaan-pertanyaan yang sudah ditanyakan seperti semalam ataupun sudah dijawab tidaklah akan dilayan lagi untuk diberikan kebenaran mendapat *supplementary questions*.

Soalan pertama dari Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Saya persilakan menteri yang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh (*Doa dibaca*).

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mohon izin untuk menjawab tiga soalan yang diutarakan ani iaitu persoalan Lisan 21 daripada Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, persoalan Lisan 93 daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann dan persoalan Lisan 143 daripada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman

kerana ketiga-tiga soalan ini berhubung kait rapat mengenai subjek jalan raya di seluruh negara. Mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya membenarkan permohonan itu disebabkan oleh soalan-soalan yang berkenaan adalah berkaitan dengan satu perkara, nampaknya perkara jalan raya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat yang mengutarakan soalan-soalan yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pembaikan jalan secara tampalan dan penurapan semula. Pembaikan jalan secara menambal lubang jalan *pothole patching* dilaksanakan sebagai langkah sementara dan yang cepat bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan dapat dilaksanakan dan jalan yang dibaiki dapat dibuka semula dengan sesegeranya.

Dengan ini, gangguan laluan trafik adalah dapat dikawal dalam keadaan minima serta memastikan keselamatan pengguna terjamin dengan pembaikan lubang jalan yang dibuat dengan cepat.

Walau bagaimanapun, bagi kerosakan jalan yang lebih serius atau jalan yang sudah mempunyai banyak tampalan, keadaan menurap semula keseluruhan permukaan jalan, *resurfacing* atau

membaik pulih sepenuhnya, *rehabilitation* adalah lebih berkesan untuk jangka masa panjang dan usaha ini adalah dalam jadual tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pembangunan.

Sehubungan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperuntukkan sebanyak BND29.5 juta melalui 18 projek bagi kerja-kerja penurapan dan membaik pulih jalan raya di seluruh negara melalui peruntukan Belanjawan Tahunan, Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Rancangan Kemajuan Negara.

Antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan termasuk kerja menurap semula jalan di lebuh raya dan jalan utama sebagai contoh penurapan semula sedang dilaksanakan di Lebuh Raya Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Lebuh Raya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Lebuh Raya Tungku-Jerudong, Jalan Utama Berakas, Jalan Utama Mentiri dan beberapa jalan utama yang lain.

Di samping langkah tersebut, Kementerian Pembangunan juga sedang menguji penggunaan beberapa teknologi baharu dalam kerja pembaikan jalan raya iaitu bahan turapan inovatif dan sebagainya.

Hasrat kita adalah bagi kerja-kerja pembaikan di masa depan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan

cost-effective. Kaedah ini mula diuji cuba di Jalan Utama Mentiri pada masa ini.

Mengenai peningkatan kualiti jalan di kawasan sempadan, Kementerian Pembangunan dalam usaha untuk menaik taraf kualiti jalan raya di kawasan sempadan dengan tujuan mempermudah kedatangan pelancong melalui jalan darat. Maka, bagi tujuan ini, peruntukan khusus telah disediakan sebanyak BND3.8 juta bagi kerja-kerja menaik taraf dan membaiki pulih rangkaian jalan raya yang lebih selesa menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan negara jiran.

Sebagai contoh, persediaan projek penambahbaikan sedang dilaksanakan untuk jalan Rasau iaitu laluan menuju Pos Kawalan Sungai Tujuh, sempadan Brunei-Miri, untuk meningkatkan kelancaran dan keselamatan perjalanan di sempadan.

Peningkatan infrastruktur jalan di kawasan sempadan ini dilaksanakan agar kemudahan jalan darat lebih selesa supaya lebih ramai susur masuk pelancong dan pengunjung luar untuk melancong ke negara ini melalui perjalanan darat.

Mudah-mudahan jua dengan pembaikan ini nanti, kitani dapat melihat lebih ramai susur yang masuk ke negara ini daripada susur yang keluar.

Mengenai langkah pemotongan rumput dan pembersihan jalan untuk keselamatan, kerja-kerja pemotongan rumput di bahu dan median jalan serta

pembersihan kawasan jalan raya amat penting bagi menjamin keselamatan lalu lintas terutama sekali pada waktu malam dan ketika hujan.

Rumput yang panjang dan semak samun boleh menghalang penglihatan pemandu terhadap keadaan sekeliling jalan dan menutup papan tanda yang mana keadaan ini membahayakan pengguna jalan raya terutama dalam situasi pencahayaan rendah atau hujan lebat.

Selain itu, pembersihan berkala memastikan longkang dan bahu jalan bebas dari sampah atau halangan bagi mengelakkan air bertakung di atas jalan yang boleh mengakibatkan kegelinciran kenderaan.

Untuk ini, Kementerian Pembangunan telah memperuntukkan sebanyak BND4.4 juta khusus untuk kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan jalan di seluruh negara. Skop kerja ini merangkumi pemotongan rumput secara berkala di tepi jalan raya dan lebuh raya.

Pemotongan dahan pokok yang boleh menutup pandangan serta pembersihan sisa dan tanah yang boleh menjejaskan permukaan jalan atau sistem perparitan. Antara kawasan utama yang diberikan tumpuan termasuk lebuh raya dan jalan-jalan penghubung utama yang sering digunakan orang ramai sebagai contoh Lebuh Raya Muara-Tutong dan Lebuh Raya Telisai-Lumut yang menghubungkan Tutong dan Belait. Lebuh raya ini merupakan laluan panjang yang dikelilingi tumbuh-tumbuhan dan

diberi keutamaan dalam jadual pemotongan rumput.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebagai rumusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tujuan menambah baik keselesaan dan keselamatan jalan raya di lebuh raya bagi para pengguna telah memperuntukkan sejumlah BND29.5 juta melalui 18 terma kontrak bagi pemeliharaan jalan raya di seluruh negara.

Peruntukan ini juga termasuk BND3.8 juta bagi kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih jalan menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan negara jiran melalui Jalan Rasau.

Di samping itu, Kementerian Pembangunan juga telah disediakan peruntukan berjumlah BND4.4 juta bagi kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan di sepanjang jalan raya dan lebuh raya di seluruh negara.

Sekian. Atu tah sahaja jawapan yang kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Soalan yang ke-empat iaitu daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Mohon perkenan untuk membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat

Menteri Pembangunan. Adakah sekarang ataupun selepas?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat mahu bertanya?

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Mohon.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Sekarang? Mengenai jalan raya atau?

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Mengenai jalan raya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk memberi peluang memberi soalan tambahan mengenai jalan raya.

Kaola ingin mengetahui apakah strategi-strategi kementerian untuk memantau kualiti-kualiti kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor dengan memastikan ia dilakukan dengan *third party* atau agar kerja-kerja tersebut mengikut kualiti dan spesifikasi dalam kontrak kerana kebanyakannya kalinya kerja-kerja itu paksa diulang-ulang kali dibuat. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Silakan Yang Berhormat Menteri
Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri
Pembangunan:** Terima kasih Yang
Berhormat Yang Di-Pertua dan terima
kasih jua kepada Yang Berhormat Awang
Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal
Abidin di atas soalan-soalan yang
disampaikan.

Mengikut lazimnya, apa tu, SOP
perlaksanaan kerja-kerja memperbaiki
jalan raya ini adalah di apa tu,
diselenggarakan dengan pemantauan
dan pengawasan daripada Jabatan Jalan
Raya yang mengawas ani.

Jadi perkara ani, sememangnya seperti
yang dibangkitkan di dalam soalan tadi,
memerlukan banyak pembaikan dari segi
pemantauan yang perlu dibuat terutama
sekali dalam apa tu, beberapa
pemerhatian di mana kerja-kerja yang
dibuat oleh kontraktor tidak mendapat
pengawasan yang sepenuhnya yang
mengakibatkan jua, apa tu *compromise
on the quality of the* kerja-kerja yang
dibuat.

Jadi, ani menjadi *lesson learnt* bagi apa
tu, abis kaola di apa tu, di kementerian
dan perkara ani memang ada
dibangkitkan dengan Jabatan Jalan Raya
supaya pemantauan ani dapat
diperkasakan, supaya pemantauan
dan pengawasan ani bagi kerja-kerja
kontraktor-kontraktor ani akan dibuat.

Inilah jua apa tu, di antara
penambahbaikan yang akan
dilaksanakan, insya Allah. Atu tah
jawapan kaola. Terima kasih Yang
Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ya

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.
Salleh bin Haji Othman:** Terima
kasih, Yang Berhormat Yang Di-
Pertua. Saya, Yang Berhormat Menteri
Pembangunan. Mengenai kerja
pembaikan jalan, adakah melibat semua
jalan-jalan di pedalaman terutamanya
di Daerah Belait, Jalan Labi? Kerana
Jalan Labi adalah jalan utama bagi
destinasi-destinasi pelancongan.

Sering dilaporkan bas tidak boleh masuk
kerana jalan-jalan yang terlalu rendah.
Maka, saya memohon bagi pencerahan
Yang Berhormat Menteri Pembangunan.
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri
Pembangunan:** Terima kasih Yang
Berhormat Yang Di-Pertua. Merujuk
kepada penjelasan yang kaola sampaikan
tadi atu, mengenai 18 terma kontrak
yang akan dibuat dalam pelaksanaan
merangkumi beberapa jalan yang
kebanyakannya ialah melibatkan jalan-
jalan lebuhraya dan jalan-jalan utama.
Kalau dapat kaola menghuraikan projek-
projek tersebut ialah:-

Pertama, membaiki dan menurap semula
aspal jalan raya di Lebuhraya Pengiran
Muda Al-Muhtadee Billah; kedua,
membaiki dan menurap semula aspal

jalan raya di Lebu Raya Tungku; ketiga, membaiki dan menurap semula aspal jalan raya Lebu Raya Tungku-Jerudong; keempat, membaiki dan menurap semula aspal jalan raya Lebu Raya Sultan Haji Hassanul Bolkiah; kelima, membaiki dan menurap semula jalan utama Jalan Utama Berakas; keenam, membaiki dan menurap semula jalan utama Jalan Gadong; ketujuh, membaiki dan menurap semula jalan utama Jalan Kebangsaan; kelapan, membaiki dan menurap semula jalan utama Jalan Utama Mentiri; kesembilan, membaiki dan menurap semula Jalan Jerudong; kesepuluh, membaiki dan menurap semula Jalan Tutong di antara persimpangan Telanai dan Bengkurong Masin; kesebelas, membaiki dan menurap semula jalan utama Jalan Jame 'Asr; kedua belas, kontrak penggal bagi kerja-kerja *ad hoc* bagi seluruh negara; ketiga belas, membaiki dan menurap semula jalan-jalan aspal lebu raya, jalan utama, jalan kampung, jalan simpang perumahan negara, pejabat kerajaan komersil, pakej satu lebu raya Negara Brunei Darussalam.

Ani termasuklah jua jalan-jalan lebu raya di antara Muara dan Kuala Belait; keempat belas, menurap semula jalan-jalan aspal, jalan-jalan utara. *This is* di zon yang lain melibatkan *separate contract*; dan kelima belas, Membaiki dan menurap semula jalan-jalan aspal, jalan kampung, jalan-jalan simpang. Ini termasuklah Jalan Rasau, Jalan Sukang, Melilas, Perbendaharaan Kuala Belait dan Seria di Rancangan Perumahan Negara.

Atu tah yang dapat kaola huraikan pada menjawab soalan yang diutarakan tadi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Kita beralih kepada soalan keempat iaitu dari Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan sama ada kita mempunyai plan induk yang menyelaras inisiatif projek hijau. Kaola ingin menjelaskan bahawa memang sudah ada plan bersepadu ataupun *integrated plan* yang dikenali sebagai Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam ataupun *Brunei Darussalam Climate Change Policy* (BNCCP).

Dengan mengambil pendekatan *Whole-of-Government* dalam menangani perubahan iklim, *BNCCP* ini telah diperkenalkan sejak tahun 2020. Pada tahun 2023, negara telah berjaya mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau ataupun *Green House Gas* sebanyak 15% berbanding tahap

Business-as-Usual melalui pelaksanaan strategi-strategi di bawah *BNCCP*.

BNCCP ini juga adalah selaras dengan usaha negara dalam membangunkan hala tuju yang lebih jelas bagi menyahut cabaran aspirasi *Net-Zero* menjelang tahun 2050. Dalam tempoh empat tahun sejak *BNCCP* diperkenalkan, pelbagai langkah mitigasi telah dilaksanakan untuk mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau. Ini termasuk:-

Pertama, mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dalam sektor perindustrian melalui pengurangan *Flaring* dan *Venting* di fasiliti pengeluaran minyak dan gas, serta penguatkuasaan arahan *Mandatory Reporting of Green House Gases* yang mewajibkan fasiliti dan agensi melaporkan data pelepasan *Green House Gas* secara berkala;

Kedua, peningkatan penggunaan tenaga boleh diperbaharui melalui projek solar BSP berkapasiti 3MW, projek berkapasiti 30MW di Kampung Belimbing, projek PPP utama, Projek Sinar Hengyi berkapasiti 48MW serta projek solar berskala kecil atas bumbung yang sedang giat diungkayahkan oleh sektor komersil seperti *Expro Sdn Bhd*, *Bank Islam Brunei Darussalam* dan sektor akademik seperti *Jerudong International School*;

Ketiga, pengurangan pengeluaran pelepasan gas rumah hijau daripada penjaan serta penggunaan tenaga seperti usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan penjaan semua stesen janakuasa serta pelaksanaan *Energy*

Efficiency, Standards and Labelling Order, 2021 untuk mendorong penggunaan peralatan yang lebih cekap tenaga;

Keempat, pengurangan pelepasan gas rumah hijau dari sektor pengangkutan darat melalui peningkatan penjualan kenderaan elektrik;

Kelima, pengurangan kadar pelupusan sisa melalui pengurangan sampah melalui konsep 3R (pengurangan, guna semula dan kitar semula), pengkomposan dan teknologi sisa buangan ke tenaga, *waste-to-energy* bagi mengurangkan penggunaan tanah untuk tapak pelupusan dan mengurangkan jumlah sampah yang perlu dilupuskan; dan

Keenam, meningkatkan penyerapan karbon ataupun *carbon sink* melalui penanaman semula hutan, *afforestation* dan penghutan semula, *reforestation*.

Dalam pada itu, usaha-usaha untuk mengimbangi tindakan iklim selaras dengan keperluan pembangunan negara jua adalah penting untuk memastikan penggunaan sumber negara diperuntukkan secara strategik dan seimbang antara langkah-langkah mitigasi dan adaptasi serta pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan *Brunei Economic Blueprint*.

Walau bagaimanapun, kejayaan usaha ini bergantung jua kepada beberapa faktor terutamanya sokongan kewangan

yang mencukupi, pembangunan kapasiti yang berterusan dan kemajuan teknologi yang berinovatif bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan.

Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan mitigasi dan adaptasi negara melalui Pejabat Perubahan Iklim dan Kementerian Pendidikan giat melaksanakan program pendidikan dan kesedaran ke sekolah-sekolah diseluruh negara. Kerajaan jua aktif menjalankan Kempen Kesedaran Awam melalui Pameran Teknologi Mesra Alam, Program Komuniti seperti penanaman pokok dan kitar semula serta menyebarkan maklumat melalui media sosial, radio dan televisyen.

Salah satu inisiatif terkini adalah segmen perubahan iklim dalam Rampaian Pagi yang diadakan setiap bulan sebagai platform kesedaran awam bagi mengenai isu-isu perubahan iklim di Negara Brunei Darussalam.

Dalam usaha memastikan tenaga yang mampan dan berdaya tahan, inisiatif-inisiatif kecekapan dan penjimatan, *Energy Efficiency and Conservation* memainkan peranan penting dalam mengoptimumkan penggunaan sumber berharga seperti minyak dan gas asli supaya dapat dimanfaatkan untuk keperluan jangka panjang dan bagi memastikan bekalan tenaga yang *stable*.

Penglibatan orang awam juga adalah penting dalam memajukan inisiatif hijau. Pada tahun 2024, Jabatan Tenaga telah mengeluarkan sebuah video mengenai

tips praktikal penjimatan tenaga yang mana telah dikongsikan melalui siaran televisyen dan *social media*.

Selain itu, sebuah buku panduan mengenai inisiatif-inisiatif kecekapan dan penjimatan tenaga atau *Energy Efficiency and Conservation* akan diedarkan untuk menggalakkan penyertaan orang ramai di negara ini. Usaha ini akan membantu negara untuk mengoptimumkan sumber berharga seperti gas dan memupuk tingkah laku penggunaan yang bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun beberapa cabaran telah dikenal pasti dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif projek hijau ini, termasuklah kesediaan dasar bagi projek hijau, kapasiti tempatan dalam mengendalikan teknologi hijau dan penerimaan orang ramai mengenai projek hijau.

Oleh itu, mengambil pendekatan *whole-of-nation approach*, satu projek *team* telah ditubuhkan yang bertujuan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif projek hijau yang sedia ada serta merangka inisiatif-inisiatif baru selaras jua dengan strategi-strategi dibawah BNCCP.

Projek *team* ini sedang dan akan terus mengadakan sesi *stakeholders engagement* termasuk bersama pihak swasta, institusi-institusi pendidikan dan organisasi bukan kerajaan untuk mengumpulkan maklumat dan bagi mendapatkan maklum balas berhubung dengan keadaan dan situasi, keupayaan dan ketersediaan mereka dalam

menerokai pembangunan berkonsepkan hijau di negara ini.

Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif projek hijau ini adalah turut dipantau rapi di bawah Jawatankuasa Pandu Keselamatan dan Kecekapan Tenaga bagi memastikan pelaksanaannya menurut garis masa yang ditetapkan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan Dato tadi itu. *Just* anu, dua persoalan saja tadi Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Bolehkah sekiranya kaola mengetahui akan impak yang projek-projek yang disenaraikan itu impaknya kepada *local business development* dan keduanya berapakah peluang-peluang pekerjaan yang sudah dibukakan kepada anak Brunei?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih soalan yang diajukan.

Bagi impak kepada bukakan peluang *business development* kepada anak-anak tempatan memang perkara ani, konsep

projek hijau ani masih lagi baru dalam *society* kitani, jadi memang sentiasa di meningkatkan pengetahuan seperti mana yang kaola kongsi tadi isu mengenai dengan *information, knowledge* mengenai dengan projek hijau ani sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya lebih ramai orang lebih faham mengenai dengan isu projek hijau ani dan jua melalui televisyen, *video clip* dan sebagainya, jadi supaya orang ramai menyambutlah kalau bila ada masanya peluang dibukakan kepada mereka untuk melibatkan diri dalam industri hijau ani. Soalan pertama tadi yang mengenai...

(Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin menerangkan tanpa menggunakan mic)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat, saya kira baik dipakai... supaya orang lain dapat mendengar.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:

Minta maaf. Pertamanya iatah Yang Berhormat Dato *melist* sudah projek-projek yang sudah dibuat, yang kaola ingin tahu saja, berapakah projek itu melibatkan *local business development* yang memanfaatkan, yang keduanya berapakah peluang-peluang pekerjaan yang sudah dapat di *offer* oleh ekonomi hijau?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima

kasih. Seperti mana kaola terangkan tadi, Projek Hijau ani masih lagi peringkat awal di negara kitani. Masa ani yang dibuat oleh *BNCCP* ataupun Pejabat *Climate Change* adalah untuk membuatkan polisi dan sebagainya.

Jadi untuk kitani mengurangkan pelepasan *greenhouse gas*. Jadi dari segi *business development* memang sudah ada beberapa syarikat sudah kira *start* mula memasang *solar panel* dan seumpamanya. Jadi, dari segi *business development* memang kalau ada yang sebahagian syarikat sudah bekerjasama dengan beberapa institusi atau pun syarikat-syarikat lain dalam negeri untuk *encourage* dorang memasang *solar panel*.

Jadi kitani sudah lihat seperti kaola kongsikan tadi ada beberapa syarikat, *Explore Sendirian Berhad* sama jua Hengyi sendiri pun memasang jua.

Ani ada menggunakan teknologi dari luar negeri pada masa ani, jadi dari segi orang kira syarikat tempatan sama ada, ada kemahiran untuk terlibat diri dalam *business* ani memang digalakkanlah tetapi pada masa ani, belum lagi melihat, kira *consistent business* lah ada kitani kadang-kadang ada yang ad-hoc. *You know*, apa namanya ni, projek yang dipasang oleh *private sector* atuloh yang kitani melihat tapi bukan yang macam satu *consistent business*.

Jadi bagi pekerja tempatan kalau *business* itu belum lagi konsisten, dengan sendirinya belum lagi ada

sambutan anulah jadi konsisten *carrier development* dalam isu ani.

Jadi memang anu yang lain bukan saja *solar panel* yang lain macam menanam pokok dan sebagainya memang itu kira *volunteer* atau pun *corporate social responsibility* bukannya satu pekerjaan yang tetap.

Jadi anilah yang kitani melihat pada masa ani. Jadi *one day* kalau sudah kitani ada terdapat syarikat yang benar-benar *full-time* *develop* projek hijau, atuloh masanya datang karang ada bagi, itu barulah membuka peluang kepada anak-anak tempatan untuk terlibat diri dalam industri ani. Itu saja jawapan kaola, insya Allah, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Soalan yang kelima iaitu soalan yang diterima daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan mengenai dengan Bekalan Tenaga Elektrik bagi permintaan *FDI*. Alhamdulillah, prasarana sistem bekalan tenaga elektrik di Negara Brunei

Darussalam kekal mampu memenuhi permintaan tenaga elektrik semasa.

Bukan sahaja untuk keperluan rakyat dan penduduk di negara ini malahan bagi mendukung aktiviti-aktiviti perekonomian negara termasuk Pelaburan Langsung Asing khususnya yang mampu menjana nilai KDNK yang tinggi bagi negara di samping memerlukan tahap *intensity* tenaga yang rendah.

Keutamaan diberikan kepada penyediaan bekalan tenaga elektrik yang berterusan dan selamat dengan liputan bekalan tenaga elektrik yang kini sudah hampir mencapai 100% dengan terlaksanaannya penyambungan rangkaian tenaga elektrik di Mukim Sukang dan kawasan pedalaman yang lain di Daerah Belait.

Dalam terus memelihara kesejahteraan rakyat dan memacu pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing dan menarik di kalangan Pelaburan Langsung Asing, sejajar dengan matlamat *Economic Blueprint* negara, usaha-usaha menaiktarafkan dan peningkatan prasarana bekalan tenaga elektrik negara dari segi kapasiti penjanaan dan juga rangkaian *grid* terus sahaja diberi keutamaan dalam perancangan Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Tenaga demi memastikan kebolehpercayaan bekalan tenaga elektrik yang berterusan sambil memenuhi keperluan yang semakin meningkat.

Dalam jangka masa pendek dan sederhana, beberapa projek baru sedang giat dimajukan. Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan melaksanakan projek jana kuasa Bukit Panggal Fasa ke-2 di bawah Peruntukan Belanjawan RKN 12 dan syarikat *Berakas Power Company* juga akan membina sebuah jana kuasa baharu. Kedua-dua projek ini akan menggunakan teknologi *combined cycle* yang lebih cekap tenaga dan disasar akan mula beroperasi pada tahun 2027/2028.

Projek-projek ini akan meningkatkan jumlah kapasiti terpasang bekalan tenaga elektrik secara keseluruhannya kepada sekitar 1.2 *megawatt* iaitu peningkatan melebihi 35% dari kapasiti yang ada pada masa ini. Peningkatan kapasiti ini dijangka akan dapat memenuhi unjuran permintaan tenaga elektrik pada tahun-tahun yang akan datang.

Bagi permintaan jangka panjang pula, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Tenaga kini sedang merangka Pelan Induk Tenaga bagi membentuk hala tuju sektor tenaga elektrik yang boleh memacu pertumbuhan ekonomi menjelang tahun 2035 dan seterusnya.

Usaha ini melibatkan kerjasama rapat dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk kementerian-kementerian yang berkenaan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, *BEDB* bagi memastikan pendekatan *whole of nation* dalam menilai kesesuaian unjuran keperluan

tenaga elektrik serta sistem bekalan masa hadapan.

Perancangan yang kukuh atau *robust* adalah penting bagi memastikan bekalan tambahan yang diperlukan khususnya bagi aktiviti-aktiviti *FDI* dengan keperluan tenaga elektrik yang tinggi di ambil kira awal memandangkan projek-projek penaiktarafan prasarana bekalan tenaga elektrik mengambil masa dan memerlukan peruntukan kewangan khas sama ada di bawah Belanjawan RKN atau mekanisme pembiayaan *alternative* seperti pembiayaan kerja awam swasta, *Public Private Partnership*.

Kehadiran *FDI* di Negara Brunei Darussalam adalah sangat dialu-alukan. Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Tenaga juga bersedia untuk bersedia memudahkan mana-mana *FDI* yang berhasrat untuk bertapak di Negara Brunei Darussalam untuk membina jawatankuasa persendirian bagi kegunaan sendiri atau secara *captivate* sepertimana yang sudah disaksikan di *FDI-FDI* utama negara pada masa ini iaitu di Loji Metanol Syarikat *Brunei Methanol Company*, Loji *Urea*, Syarikat *Brunei Fertilizer Industry* dan juga Loji Petrokimia, Syarikat *Hengyi Industries*.

Di samping itu, industri-industri baharu adalah digalakkan untuk turut mempertimbangkan semua tenaga alternatif yang boleh diperbaharui untuk keperluan tenaga persendirian termasuklah sistem *solar* sama ada berskala kecil secara *rooftop* ataupun berskala besar. Pendekatan ini akan

membantu berdaya saing aktiviti-aktiviti *FDI* berkenaan khususnya dalam pasaran rendah *carbon*.

Seiring dengan hala tuju ini, rancangan-rancangan RKN 12 dan yang seterusnya akan disesuaikan bagi memastikan prasarana bekalan tenaga elektrik dari segi kapasiti dan juga rangkaian *grid* mampu menampung permintaan tenaga elektrik yang semakin meningkat dan juga bagi membolehkan penyerapan tenaga boleh diperbaharui berskala besar selaras dengan pertumbuhan aktiviti-aktiviti perekonomian.

Adapun perkara yang berkaitan dengan memastikan keterjaminan tenaga bagi Negara Brunei Darussalam turut dipantau rapi di bawah Jawatankuasa Pandu Keselamatan dan Kecekapan Tenaga dengan kerjasama rapat Jawatankuasa Pandu *Foreign Direct Investment and Domestic Investment*.

Dengan adanya langkah-langkah strategik ini, negara akan dapat mengukuhkan kedudukan sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing serta bersedia untuk memenuhi keperluan tenaga dalam *landscape* ekonomi yang semakin dinamik dan perbagai.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Soalan yang keenam iaitu daripada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya persilakan Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, PL4 adalah mengenai dengan isu buli yang mana ianya berkait rapat dengan soalan-soalan PL23 dan PL81. Oleh yang demikian, kaola memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi kaola untuk menjawab ketiga-tiga Pertanyaan Lisan ini secara kolektif.

(Yang Berhormat Yang Di-Pertua memberi kebenaran dengan angguk kepala)

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. PL4 adalah mengenai tindakan Kementerian Pendidikan mengenai cara Kementerian Pendidikan menangani isu buli, *gangsterism* dan penyalahgunaan dadah. Alhamdulillah, dalam menangani isu ini, Kementerian Pendidikan telah pun mengeluarkan Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 2/2025 yang menetapkan garis panduan serta tatacara tindakan di peringkat sekolah untuk menangani isu buli, *gangsterism* dan penyalahgunaan dadah.

Melalui Surat Pemberitahuan tersebut, jika pelajar tersebut itu telah didapati melakukan kesalahan-kesalahan yang disebutkan tadi.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah akan menjalankan tindakan yang bersesuaian mengikut *Standard Operating Procedure* ataupun *SOP* yang sedia ada serta akan berkolaborasi bersama agensi yang berkenaan apabila diperlukan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pembangunan Masyarakat, JAPEM dan Biro Kawalan Narkotik.

Tindakan-tindakan adalah seperti berikut:-

Pertama, menjalani *internal suspension* di peringkat sekolah selama 5 hingga 10 hari persekolahan di mana pelajar dimestikan hadir ke sekolah untuk mengikuti pembelajaran di bawah seliaan oleh pegawai yang dilantik di samping membuat kerja-kerja kemasyarakatan sama ada di sekolah atau di luar sekolah dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan atau bukan kerajaan yang bersesuaian;

Kedua, pelajar dikehendaki untuk menandatangani surat perjanjian, tidak mengulangi kesalahan dan mematuhi peraturan di hadapan ibu bapa, penjaga dan pihak sekolah;

Ketiga, ibu bapa/penjaga juga dikehendaki menandatangani surat

persetujuan untuk membenarkan anak atau anak di bawah jagaannya, menjalani tindakan-tindakan yang dikenakan oleh pihak sekolah; dan

Keempat, Pelajar juga akan dikehendaki untuk mengikuti sesi kaunseling di sekolah.

Manakala jika pelajar yang sama mengulangi kesalahan yang telah dinyatakan tadi, pelajar berkenaan akan dikehendaki untuk mengikuti program khas di bawah kendalian Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tempoh bersesuaian yang akan ditetapkan kemudian.

Langkah pencegahan berasaskan pendidikan dan kaunseling telah dilaksanakan melalui modul-modul kesedaran dan program intervensi yang bertujuan mendidik pelajar supaya tidak terjebak dalam pengaruh negatif sebelum isu tersebut menjadi lebih serius.

Di samping itu, dalam usaha membendung pengaruh negatif sebelum ianya menjadi lebih serius, pihak Kementerian Pendidikan akan sentiasa membuat pemantauan ketat secara berjadual bagi mengawas pelajar sepanjang waktu persekolahan, mengadakan program dan aktiviti kesedaran kepada pelajar dari semasa ke semasa dan mengadakan Program B.E.S.T, Anti Buli yang dijalankan sebagai program tahunan di semua peringkat persekolahan pada setiap tahun.

Sekiranya terdapat kejadian yang melibatkan unsur jenayah atau penyalahgunaan dadah, pihak berkuasa seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan agensi berkaitan turut terlibat untuk tindakan segera.

Adapun kajian mengenai dengan punca buli sebagaimana soalan PL81. Antara faktor yang menyebabkan terjadinya kes buli adalah:

Pertama, pengaruh keluarga atau ibu bapa. Pelajar membuli disebabkan dia diperlakukan dengan tingkah laku agresif atau ganas oleh ibu bapanya di rumah atau pelajar sendiri menyaksikan ahli keluarganya dipukul atau didera; kedua, pelajar yang kurang berdisiplin; ketiga, kurang didikan agama di rumah; keempat, pengaruh kawan sebaya dan persekitaran tempat tinggal; dan kelima, pelajar yang merasakan dirinya tidak dapat dicabar.

Walau bagaimanapun, dapatan data yang dikumpulkan sejak 3 tahun lepas didapati telah menunjukkan trend yang menurun bagi kes-kes buli di sekolah, iaitu penurunan sebanyak 734 pada tahun 2023 kepada 447 pada tahun 2024.

PL23 adalah mengenai keberkesanan Program G.I.N.I.S. Program ini dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama 10 agensi kerajaan, iaitu Jabatan Penjara, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perundangan Islam, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama,

Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, JAPEM, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan *Cyber Security Brunei*.

Program ini telah membolehkan pendekatan yang komprehensif dalam menangani isu-isu sosial dalam kalangan pelajar di peringkat menengah. Sebanyak 31 buah sekolah menengah telah pun dilibatkan dalam program ini dan seramai 3,911 pelajar telah mengikuti program ini pada tahun 2024.

Program ini mensasarkan pelajar-pelajar Tahun 9, di usia ketika pelajar-pelajar ini menginjak usia remaja dan lebih matang serta berani untuk berfikir sendiri. Hasil awal penilaian mendapati lebih daripada 60% pelajar memberikan *respond* sangat setuju bahawa inisiatif G.I.N.I.S ini telah meningkatkan kesedaran mengenai perkara-perkara negatif, mendidik pelajar tentang nilai murni serta mengurangkan pengaruh negatif yang boleh menjejaskan disiplin dan keselamatan di sekolah. Keberkesanan ini akan diteruskan dengan mekanisme penilaian berterusan untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

PL81 juga ada menyentuh mengenai peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru PIBG. Melalui Program Keibubapaan tahun 2024 sahaja, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan telah mengadakan Sesi Sosialisasi Persatuan Ibu Bapa dan Guru, PIBG pada 8 hingga 17 Januari 2024 bagi sekolah-sekolah

seluruh negara. Kehadiran sekolah-sekolah semasa Sesi Sosialisasi tersebut adalah sebanyak 83.66%. Agenda sesi sosialisasi tersebut adalah seperti berikut:

Pertama, pemberigaan semula Akta Pendidikan, Penggal 210, Peraturan-Peraturan Pendidikan Persatuan Ibu Bapa dan Guru, PIBG, peranan dan tanggungjawab ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru, PIBG selari dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023 - 2027; kedua, pemberigaan Program Anti Buli, iaitu Program B.E.S.T, Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab, Kementerian Pendidikan; dan ketiga, Penerangan mengenai Program Kemahiran Keibubapaan.

Selain itu *in-house training* tentang jenis-jenis buli dengan mengundang beberapa agensi yang berkaitan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, *Cyber Security, Brunei*, CSB, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, KAFA juga diadakan.

Hasil dapatan tahap keaktifan Kumpulan PIBG pada tahun lepas adalah 81%. Kementerian Pendidikan akan terus menyediakan platform komunikasi yang lebih berkesan untuk memastikan kerjasama yang lebih erat agar PIBG dapat terus menyokong usaha mencegah dan menangani isu buli yang memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ya. Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya ingin mengajukan soalan. Berapakah jumlah kes buli ini berlaku setakat ini? Adakah ia berlaku di peringkat pengajian tinggi? Dan juga di kalangan *student* perempuan atau lelaki, siapa yang paling ramai kes buli ini? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan:

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Soalan ini merujuk kepada satu angka yang mana kalau saya cakapkan di sini agak-agak mungkin tidak menepati, jadinya izinkan saya untuk memasukkan perkara ini di dalam Kenyataan Menteri dengan data-data yang telah diminta tadi.

Tetapi seperti yang telah saya suarakan bahawa data buli kes di sekolah menengah sahaja pada tahun 2024 adalah menurun berbanding 2023, iaitu 447 pada tahun lepas. Tetapi pecahannya, insya Allah akan diberikan di dalam Kenyataan Menteri yang akan saya sampaikan di kemudian nanti. Terima kasih. Izinkan saya sampaikan di kemudian nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, waktu pertanyaan telah pun selesai. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, kedua-dua pihak.

Sekarang kita beralih kepada Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Kenyataan Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya telah memberikan izin bagi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk membuat kenyataan menteri. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

(*Doa dibaca*) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera dan selamat pagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Di-Pertua kerana memberi ruang bagi kaola mengongsikan kenyataan kaola di Dewan yang mulia ini. Kenyataan kaola ini akan menyentuh dua perkara, iaitu:-

Pertama, tentang perkembangan terkini di dalam usaha mewujudkan alam siber atau digital yang lebih selamat dan diyakini khususnya berhubung dengan perlindungan data peribadi; dan kedua, untuk mengongsikan status penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam dan perancangan ke hadapan, *way forward* mengenainya.

Kenyataan ini juga akan menyentuh dan dapat menjawab soalan PL86 Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan soalan PL126 Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin yang berkaitan dengan perkara kedua ini.

Mengenai dengan perkara pertama, kaola sukacita mengongsikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Majlis yang mulia ini bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan Januari 2025 telah mengurniakan perkenan Baginda bagi meluluskan Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025, *Personal Data Protection Order 2025*.

Berikutan dengan pewartaan perundangan ini, perlaksanaannya akan dijalankan secara peringkat-peringkat, khususnya di dalam memberi tempoh tangguh, *grace period* ke arah pematuhan, *compliance* secara keseluruhan perintah tersebut dalam tempoh masa satu tahun.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perintah ini adalah penting kerana aspek *Digital Data Policy dan Governance* adalah di antara pemboleh strategik, *strategic enabler* di dalam perjalanan tranformasi digital Negara Brunei Darussalam. Sepertimana yang juga dikenal pasti di dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Perintah ini adalah juga merupakan pelengkap kepada garis panduan perkongsian data dalam kalangan jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang sudah diperkenalkan pada

tahun 2023. Pengawalan data dan maklumat bagi jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan adalah juga dikawal di bawah Akta Rahsia Rasmi Penggal 153 dan Manual Keselamatan Perlindungan, *Protective Security Manual*.

Dalam pada itu, Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025 ini adalah bertujuan untuk menangani keperluan dasar, perundangan dan rangka kerja kawal selia bagi perlindungan data peribadi dan urus tadbir data, *data governance* di kalangan organisasi bukan kerajaan dan sektor swasta.

Ini juga termasuk bagi mereka yang memproses atau mengendalikan data peribadi untuk sektor awam atau jabatan-jabatan kerajaan. Ini adalah bagi memastikan amalan dan tatacara mengumpul, menyimpan, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi oleh mana-mana pihak yang berkenaan di negara ini adalah selaras dengan amalan-amalan terbaik dan dikawal oleh undang-undang. Di antara *provisions* atau peruntukan utama perintah ini adalah:

Pertama, menetapkan pihak berkuasa industri teknologi infokomunikasi Negara Brunei Darussalam, *AITI* sebagai autoriti atau pihak berkuasa bagi hal ehwal berkaitan perlindungan data peribadi; kedua, menetapkan tatacara dan tadbir urus dalam mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data peribadi; ketiga, menggariskan kewajipan organisasi sektor swasta dan bukan kerajaan dalam

memastikan data yang dikumpul adalah tepat dan dilindungi dengan sewajarnya; keempat, menyatakan hak-hak individu ke atas data peribadi masing-masing; dan kelima, dengan adanya perintah ini, ianya dipercayai akan memberikan manfaat kepada individu dan organisasi seperti berikut:-

Individu mempunyai hak ke atas data peribadi mereka yang dikongsikan atau diserahkan kepada sebuah organisasi itu. Ini termasuk memastikan data peribadi yang dikumpul adalah tepat dan digunakan bagi tujuan yang dikhususkan sahaja. Dari itu individu turut berhak sama ada mengizinkan atau menarik balik izin ke atas penggunaan data peribadi mereka;

Memberikan perlindungan kepada individu terhadap data peribadi mereka daripada sebarang penyalahgunaan. Ini adalah diterapkan melalui amalan urus tadbir dan tatacara mengendali data peribadi yang menjadi kewajipan di bawah undang-undang;

Pertama, memupuk kepercayaan dan keyakinan individu terhadap organisasi yang menyimpan dan mengendalikan data peribadi mereka melalui amalan urus tadbir dan tatacara yang terbaik; dan

Kedua, memastikan akauntabiliti dalam kalangan organisasi swasta dan bukan kerajaan dari segi pengendalian data peribadi individu. Ini bertujuan untuk mewujudkan *culture of*

accountability dalam kalangan individu dan organisasi tersebut.

Bagi sesebuah organisasi pula, perintah ini akan dapat meningkatkan reputasi dan kredibiliti sesebuah organisasi tersebut melalui pelaksanaan amalan terbaik yang diwajibkan di bawah perintah ini dan dengan menghendaki sesebuah organisasi menyediakan tatacara perlindungan dan langkah-langkah menangani pencerobohan data akan boleh memberi keyakinan kepada orang ramai, pelanggan dan rakan kongsi niaga bahawa risiko pencerobohan data, *data breach* adalah ditangani dan dapat dikurangkan.

Justeru itu, ini boleh mengembangkan penggunaan perkhidmatan atau meningkatkan jumlah pelanggan sesebuah organisasi tersebut.

Seterusnya sebagai langkah awal ke arah pelaksanaan perintah ini, inisiatif ke arah meningkatkan kesedaran awam mengenai perlindungan data peribadi telah mula dilaksanakan. Pihak *AITI* telah pun mengadakan beberapa sesi pemberigaaan awal yang melibatkan ahli-ahli dewan perniagaan dan perusahaan, syarikat-syarikat perusahaan mikro kecil dan sederhana, syarikat-syarikat kewangan, syarikat-syarikat telekomunikasi dan lain-lain.

Mereka juga aktif memberikan taklimat perlindungan data peribadi di sepanjang tahun 2024. Sebagai Langkah ke hadapan, pihak *AITI* akan terus mempergiatkan lagi program-program

pemberigaaan mengenai perlindungan data peribadi. Ini di samping mendukung kegiatan membina kemahiran dan kecekapan.

Untuk makluman, perintah ini turut mengandungi kewajipan bagi pihak sektor swasta dan bukan Kerajaan untuk melantik, *designate* sekurang-kurangnya seorang pegawai yang bertanggungjawab dalam memastikan memastikan pematuhan, *compliance* kepada perintah ini dan akan dikenali sebagai Pegawai Perlindungan Data atau *Data Protection Officer*. Ke arah ini, *AITI* telah melaksanakan inisiatif pembangunan kapasiti untuk sektor swasta seperti menjalankan program kompetensi bagi Pegawai Perlindungan Data. Kohort 1 dan Kohort 2 program tersebut telah diadakan di dalam bulan November 2024 dan pada bulan Januari tahun ini.

Program tersebut telah disertai oleh peserta-peserta dari pelbagai sektor swasta dan akan juga menjurus kepada mereka memperoleh *Industry Certification* iaitu *Certified Information Privacy Manager*. Program kompetensi ini dirancang untuk dilanjutkan lagi dengan mengadakan Kohort 3 dan 4 pada suku ketiga dan keempat tahun ini. Kursus latihan tambahan iaitu *Personal Data Protection Practitioner Courses* juga dirancang untuk diperkenalkan pada pertengahan tahun ini.

Rangka kerja kompetensi bagi pegawai perlindungan data juga di dalam penyediaan. Pada masa yang sama,

usaha juga sedang dibuat bagi penyediaan maklumat rujukan awam, garis panduan nasihat dan panduan praktikal tentang perlindungan data peribadi dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh sesebuah organisasi untuk mematuhi perintah ini dan mengenai amalan-amalan terbaik.

Ini termasuk menyediakan maklumat rujukan awam dalam bentuk infografik, soalan-soalan lazim, klip video, laman web dan lain-lain.

Bagi mengakhiri mengenai perintah perlindungan data peribadi ini, perintah ini secara amnya juga meletakkan Negara Brunei Darussalam sebanding sama dengan negara-negara lain dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif ke arah perlindungan data peribadi dan mempromosi perlaksanaan amalan terbaik melalui undang-undang yang khusus.

Oleh itu, perintah ini juga akan dapat menyumbang kepada penglibatan Negara Brunei Darussalam di arena antarabangsa seperti memenuhi komitmen di peringkat ASEAN berkaitan dengan perlindungan data peribadi, selaras dengan inisiatif-inisiatif ASEAN seperti *ASEAN Economic Community Blueprint*, *Master Plan on ASEAN Connectivity*, *ASEAN Digital Master Plan*, *ASEAN Framework on Personal Data Protection* dan *ASEAN Digital Data Governance Framework*.

Selain daripada itu, ia juga mampu menempatkan Negara Brunei Darussalam dalam kedudukan yang lebih

baik di dalam rundingan mengenai aliran data merentas sempadan atau *cross-border data flow* bagi tujuan urus niaga dan boleh memudah cara penglibatan organisasi-organisasi tempatan untuk terlibat dalam kegiatan ekonomi digital serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berpindah kepada perkara kedua iaitu mengenai status penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam dan perancangan ke hadapan atau *way forward* mengenainya.

Kaola sukacita mengongsikan bahawa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Jabatan Pengangkutan Darat sedang giat mengusahakan penyediaan sistem pengangkutan awam yang dihasratkan selamat, efisien, berjadual dan selesa kepada para pengguna. Pelaksanaannya akan memberi tumpuan kepada 3 perkara iaitu:

Pertama, meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan bas utama; kedua, penambahbaikan dan peningkatan liputan teksi dan perkhidmatan berkongsi tumpangan atas permintaan; dan ketiga, memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memantau pergerakan kenderaan dan kemudahan penumpang melalui pemakaian Sistem Pengkhususan Pengangkutan Pintar.

Dalam hubungan ini, usaha sekarang adalah ditumpukan kepada mengenal pasti penyedia perkhidmatan yang berminat dan berkebolehan untuk

menyediakan, mengendali, mengurus dan menyelenggara perkhidmatan pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada perkhidmatan rangkaian bas teras dan perkhidmatan di dalam kawasan tadahan atas permintaan dengan tujuan untuk meningkatkan ketersambungan dan tahap perkhidmatan yang memenuhi keperluan orang ramai dan pada masa yang sama boleh meningkatkan penggunaan dan jumlah penumpang.

Kedua, untuk mengoptimum kecekapan dan keberkesanan rangkaian laluan bas dan perkhidmatan pengangkutan di dalam kawasan tadahan yang terdiri daripada kawasan-kawasan sekolah, menyediakan perkhidmatan yang boleh dipercayai mengikut jadual dan laluan yang konsisten, menyediakan perkhidmatan yang selesa dan berkualiti dengan menggunakan armada moden dan mengikut piawaian dan memperkenalkan sistem pengangkutan awam yang mampan, cekap dan inovatif untuk mengurangkan jejak karbon dan kos operasi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, projek ini kini dalam status pelawaan cadangan atau *Request for Proposal, RFP*. Yang mana pengiklanan telah pun dibukakan sejak 28 September 2024 dan akan tutup pada 11 Mac 2025 akan datang ini, iaitu perubahan daripada tarikh penutupan asal pada 28 Februari berikutan permintaan lanjutan tarikh tutup daripada peserta-peserta RFP tersebut.

Dalam tempoh ini, satu sesi taklimat atau *Information Day* juga telah diadakan pada 5 November 2024 yang bertujuan untuk memberikan pemahaman serta panduan lanjut dan jelas mengenai projek ini kepada mana-mana syarikat yang berkecenderungan dan menunjukkan minat untuk mengambil bahagian di dalam RFP berkenaan.

2 sesi penjelasan tambahan juga telah diadakan dan diberikan jawapan secara bertulis kepada semua peserta pada penghujung bulan November dan di penghujung bulan Disember 2024. Di antara perbincangan dan pertanyaan yang ditimbulkan adalah berhubung dengan insentif galakan dan bantuan daripada kerajaan bagi projek ini untuk ia berjaya dengan mengambil kira jumlah penumpang yang masih terlalu rendah.

Dalam hubungan ini, pendekatan yang diambil oleh RFP ini adalah untuk dapat menilai cadangan perbelanjaan dan hasil optimum daripada pencadang. Bisnes dan ekonomik model yang dicadangkan harus merangkumi penilaian kos dan pendapatan yang dapat diperolehi dalam tempoh kontrak yang juga merupakan tempoh jangka panjang sehingga 10 tahun.

Selain daripada unjuran pendapatan daripada tambang penumpang, sumber pendapatan tambahan seperti daripada platform pengiklanan, penyewaan aset yang dipajak dan lain-lain juga perlu diterokai. Berdasarkan ini, kerajaan akan dapat menilai dan memutuskan untuk campur tangan jika perlu. Buat masa ini

kerajaan telah pun komited dalam melabur dalam prasarana perhentian bas, terminal pertukaran bas dan sistem pengurusan digital di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Kementerian ini juga berpendapat bahawa dengan membangunkan sistem pengangkutan awam yang cekap, boleh diakses dan diurus dengan baik dan bijak disertai dengan pemasaran strategik dan penglibatan awam, jumlah *ridership* boleh dipupuk secara beransur-ansur bagi mengubah tingkah laku awam ke arah penggunaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan ini di masa depan. Akan tetapi, pelaburan dan benihnya perlu disemai awal.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Memandangkan usaha ke arah penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam ini masih di dalam proses perolehan dan akan menjalani proses penilaian teknikal dan komersial mengenainya.

Setakat ini dahulu yang dapat kaola kongsi dan kaola percaya semua ini berharap kita akan mendapat jalan ke hadapan mengenai daripada pelawaan cadangan atau *request proposal* ini nanti.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Saya kira adalah sesuai sekarang bagi kita untuk berehat selama

15 minit dan kita akan menyambung semula mesyuarat ini.

(Majlis Mesyuarat berehat)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Sekarang mesyuarat disambung semula dan kita akan beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan Perbahasan Peringkat Dasar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai dengan Rang Undang-Undang 2025, Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan dalam perbahasan peringkat dasar.

Sekarang kita akan beralih kepada ulasan Menteri dalam perbahasan peringkat dasar ini. Saya sekarang memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. *(Doa dibaca).*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah mohon izin bagi pihak Kementerian Pembangunan menyokong sepenuhnya Peruntukan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 berjumlah BND 6.35 bilion sepertimana yang telah dibentangkan didalam dewan yang mulia ini pada hari Sabtu, 30hb Syaaban 1446/1hb Mac 2025 oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2025/2026 yang bertemakan "Bersatu Membina Masa Depan yang Lebih Makmur" adalah selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan visi kementerian Pembangunan iaitu "Kehidupan Berkualiti, Pembangunan Mampan, Negara Makmur". Tema ini menekankan usaha kita bersama untuk membina masa depan yang sejahtera dalam memberikan tumpuan kepada peningkatan kesejahteraan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta penyediaan kualiti hidup yang tinggi dan pembinaan ekonomi yang dinamik lagi berdaya tahan.

Di bawah payung tema ini, Kementerian Pembangunan antara lain mengutamakan empat infrastruktur asas demi memenuhi keperluan harian rakyat dan menjadi pemacu pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

Selaras dengan fokus pertama belanjawan iaitu, Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam. Empat bidang yang dimaksudkan adalah bekalan air bersih, saliran dan pembentungan, infrastruktur jalan raya dan perumahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola menghuraikan perancangan dan inisiatif dalam keempat-empat dewan utama tersebut serta impaknya kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Pertama, bekalan air bersih. Air bersih adalah keperluan asas yang mesti disediakan secara berterusan dan berkualiti. Pentingnya keperluan asas ini dicerminkan dengan peruntukan terbesar khusus bagi projek-projek bekalan air bersih di bawah Kementerian Pembangunan.

Fokus tertumpu kepada peningkatan kapasiti bekalan air dan menambah baik infrastruktur saliran bagi menjamin perkhidmatan air yang berdaya tahan iaitu:

Pertama, pembesaran loji rawatan air: Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Barun Fasa 8 sedang berjalan. Bukit Barun adalah loji rawatan air terbesar negara yang membekalkan air kepada sebahagian besar penduduk di Daerah Brunei-Muara dan Tutong. Dengan siapnya fasa yang ke-8 ini, kapasiti pengeluaran air bersih negara akan meningkat dari sekitar 412 *megaliters per day* kepada 532 *megaliters per day*. Permintaan pada masa ini adalah sekitar

408 *megaliters per day*. Tambahan kapasiti ini bermakna bekalan air kita belum terjamin untuk generasi akan datang sekaligus menyokong pertumbuhan penduduk dan pembangunan industri.

Kedua, menaik taraf loji di daerah lain: Disamping Bukit Barun, Kerajaan turut menaik taraf loji-loji rawatan air di setiap daerah. Antara projek penting adalah penambahbaikan Loji Rawatan Air Layong di Daerah Tutong, Loji Rawatan Air Seria di Daerah Belait, Loji Rawatan Air Batang Duri di Daerah Temburong. Loji-loji ini diperkasa dengan teknologi terkini supaya bekalan air bersih di daerah-daerah berkenaan lebih stabil, berkualiti dan terjamin. Sebagai contoh, Loji Air Batang Duri di Temburong ditingkatkan keupayaannya agar penduduk Temburong mendapat bekalan air yang berkecukupan pada masa kini dan akan datang. Pada masa yang sama, Loji Seria dan sistem pengambilan air mentah di Badas sedang dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan komuniti di Daerah Belait.

Inisiatif-inisiatif bekalan air ini akan menjamin kesejahteraan kesihatan awam dan menyokong aktiviti ekonomi. Bekalan air bersih yang mencukupi dan berterusan bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup rakyat, ianya turut penting untuk pembangunan industri perniagaan makanan, pelancongan dan pelaburan iaitu sektor-sektor perekonomian *non-oil and gas* yang memerlukan jaminan sumber air yang *reliable*.

Kedua, mengenai dengan saliran dan pembetulan, seiring bekalan air, peningkatan sistem saliran dan projek mitigasi banjir turut menjadi fokus utama kementerian. Kita sedar cabaran perubahan iklim yang menyebabkan kejadian banjir kilat lebih kerap seperti kejadian banjir yang melanda seluruh negara pada bulan Januari tahun ini, 2025 baru-baru ini.

Antara projek-projek yang dilaksanakan adalah pertama projek mitigasi banjir. Beberapa kawasan yang dikenal pasti sering dilanda banjir kini dalam pelaksanaan projek mitigasi banjir. Antara lain di Daerah Tutong, Skim Penjagaan, Skim Pencegahan Banjir Mukim, Pekan Tutong dan Kampong Keriam yang telah dimulakan, merangkumi pembinaan sistem perparitan baru, kolam takungan limpahan, *retention pond* dan pintu kawalan air untuk mengawal paras Sungai Tutong semasa hujan lebat.

Sementara itu, di Daerah Brunei-Muara, Projek Pengurusan Banjir Kampong Pasai Mulaut Fasa 1 yang sedang dalam peringkat reka bentuk. Kawasan Pasai dan Mulaut kerap banjir akibat limpahan Sungai Bunut. Melalui projek ini parit-parit akan diperbesar dan satu kolam takungan banjir akan dibina bagi menahan air semasa hujan lebat sebelum di alirkan secara terkawal.

Di samping itu, Projek Mitigasi Banjir Sungai Kedayan Fasa 6 di Kawasan Kampong Pangkalan Gadong sedang dilaksanakan untuk melengkapkan siri usaha mencegah banjir di sepanjang

Sungai Kedayan. Inisiatif ini merangkumi kerja mendalamkan sungai, membina benteng tebing sungai dan memasang sistem amaran paras air demi memberi amaran awal kepada orang ramai sebelum banjir berlaku.

Kedua, ialah Projek Pembinaan Kolam Takungan dan Dataran Limpah. Kerajaan turut merancang pembinaan dataran limpah banjir, *floodplain* dan kolam-kolam takungan di kawasan lain yang sering dilanda banjir sebagai contoh kajian reka bentuk sedang dilaksanakan untuk mewujudkan dataran banjir di Daerah Temburong dan di sepanjang Sungai Belait. Langkah ini bertujuan memberi ruang takungan semula, semula memberi takungan, memberi ruang takungan semula jadi apabila hujan berlebihan sekaligus melindungi kawasan penempatan di hilir sungai daripada banjir.

Usaha ketiga adalah menarik taraf sistem perparitan dan pam. Stesen-stesen pam air baru sedang dirancang tarafan stesen-stesen pam yang sedia ada bagi mempercepatkan aliran keluar air dari kawasan rendah seperti contoh kawasan stesen pam di *outfalls* Jalan Maulana, Kuala Belait dan *drainage pump station* di F-17 Seria adalah dalam perancangan untuk dibukakan tender pada bulan Ogos tahun ini.

Di samping itu, stesen pam Jalan Jerembak, Berakas kini dalam proses peningkatan kapasiti fasa ke-3 untuk mengepam keluar air dalam kolam takungan dengan lebih efisien semasa

hujan lebat, seterusnya mengurangkan risiko banjir di kawasan sekitarnya.

Selain itu, projek menarik taraf sistem perparitan giat dijalankan termask kerja mendalamkan parit, melebarkan longkang dan membina longkang konkrit bagi menggantikan longkang tanah di kawasan perumahan dan kampung. Sebagai contoh, Projek Pembaikan Saliran di Jerudong Fasa 1 telah bermula untuk membesarkan longkang dan memperbaiki aliran air di kawasan tersebut. Begitu juga longkang di kawasan Kolej Universiti Perguruan Ugama Begawan Seri Begawan, KUPUSB sedang dinaik taraf di bawah RKN-12.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, melalui inisiatif-inisiatif ini, isu banjir dan saliran akan dapat ditangani dengan lebih baik dan berkesan. Insya Allah, rakyat akan kurang terjejas oleh musibah banjir, kerosakan harta benda dapat dikurangkan, dan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan raya kurang terganggu.

Keutamaan bajet pada sektor air bersih dan saliran ini jelas kerana bekalan air yang berterusan dan persekitaran yang bebas banjir adalah prasyarat kepada kehidupan masyarakat yang sejahtera serta ekonomi yang mampan. Persekitaran yang selamat daripada bencana akan meningkatkan keyakinan pelabur dan melindungi pelaburan sedia ada sekaligus menyokong perekonomian jangka panjang.

Penambahbaikan yang ketiga adalah penambahbaikan jalan raya. Kementerian Pembangunan sedar sistem

jalan raya yang efisien adalah tunjang kepada kemudahan pegerakan rakyat serta pegerakan ekonomi. Oleh itu, kementerian memberikan fokus kepada projek-projek untuk menaik taraf dan membina jalan raya agar lebih berkualiti, lancar dan selamat untuk digunakan.

Antara projek utama termasuk, pertama, menaik taraf lebuhraya-lebuhraya dan jalan utama. Beberapa lebuhraya dan jalan utama di dalam proses perluasan dan pembaikan. Sebagai contoh, lebuhraya Tungku sedang dirancang untuk dilebarkan untuk meningkatkan kapasiti aliran trafik dari jejambat Rimba menuju ke jejambat Estet Gadong.

Ini diharapkan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, Jalan Muara akan dinaik taraf di salah satu *section critical* iaitu dari persimpangan Jalan Aman hingga ke persimpangan Jalan Salambigar iaitu untuk melancarkan perjalanan harian pada para penggunaan jalan raya berkenaan. Peningkatan kapasiti dan kualiti jalan-jalan ini diharap dapat mengurangkan kesesakan serta meningkatkan keselamatan pengguna sekali gus menjimatkan masa perjalanan dan mengurangkan risiko kemalangan.

Usaha kedua adalah pembinaan jejambat *flyover* baru bagi meningkatkan *connectivity* di persimpangan lebuh raya. Beberapa jejambat baru turut dirancang di lokasi strategik. Sebagai contoh, sebuah jejambat baru di persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong berhampiran kawasan industri Tanjung Kajar kini

dalam pelaksanaan. Projek jejambat ini akan memudahkan akses ke kawasan perindustrian tersebut dan mengurangkan kesesakan di persimpangan berkenaan, menjadikannya lebih mesra pelabur kerana logistik keluar masuk ke kawasan industri menjadi lebih baik dan lebih lancar.

Di samping itu, Projek Jalan Penghubung dari Tanah Jambu ke Mentiri yang merangkumi pembinaan jejambat dipersimpangan Mengkubau juga sedang dijalankan. Insya Allah, apabila siap nanti, laluan baru ini akan membuka lebih banyak jalan alternatif dan meningkatkan ketersambungan antara kawasan Perumahan Tanah Jambu, Mentiri dan sekitarnya dan memudahkan pergerakan penduduk setempat dan mengurangkan kesesakan.

Ketiga, menghubungkan kawasan pendalaman. Dalam usaha memastikan tiada kawasan terpinggir daripada arus kemajuan, projek menaik taraf jalan-jalan kampung dan luar bandar sedang dilaksanakan di bawah RKN 12. Program Menurap Jalan Tanah kepada Jalan Berturap/Beraspal sedang dijalankan di keempat-empat daerah.

Jalan-jalan kampung yang sebelum ini, jalan tanah merah atau batu kelikir kini sudah diturap dan dilengkapi dengan sistem perparitan yang lebih baik. Seperti contoh, jalan-jalan di mukim-mukim pendalaman di Daerah Tutong / Belait sedang dinaik taraf secara berperingkat-peringkat. Sepertimana juga yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-Ahli

Yang Berhormat semalam, perkara ini penting agar kampung-kampung terpencil ini dapat akses yang lebih baik kepada jalan penghubung utama untuk memudahkan urusan harian penduduk luar bandar untuk ke sekolah, ke klinik, ke pusat ibadah, ke pasar tani dan menjalankan aktiviti ekonomi.

Usaha keempat adalah Penyelenggaraan Jalan dan Peningkatan Keselamatan. Di samping projek pembinaan baru program penyelenggaraan bekala jalan sedia ada turut diberikan tumpuan. Kerja-kerja membaik pulih dan menurap semula jalan-jalan yang rosak sedang dijalankan secara berjadual.

Ini merangkumi jalan-jalan di kawasan Rancangan Perumahan Negara, jalan kampung, jalan simpang serta jalan di kawasan pejabat-pejabat kerajaan dan komersial. Projek-projek pembaikan ini dilaksanakan melalui pakej mengikut daerah bagi memastikan kualiti jalan sentiasa terpelihara dan selamat digunakan oleh orang ramai.

Selain itu, usaha juga sedang dibuat bagi menarik taraf beberapa persimpangan utama dengan pemasangan lampu isyarat baru untuk mempertingkatkan keselamatan serta melancarkan aliran lalulintas di persimpangan yang berisiko tinggi berlaku kemalangan.

Seterusnya, jambatan-jambatan lama yang terutama jambatan yang berstruktur besi akan dinaik taraf kepada jambatan konkrit yang lebih kukuh. Kementerian juga melaksanakan audit keselamatan dan pemantauan keadaan jalan secara berkala. Sebagai contoh,

pemasangan *Bridge Health Monitoring System* di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien bertujuan untuk mengesan awal sebarang tanda demi menjamin keselamatan pengguna jambatan tersebut. Secara keseluruhannya, penambahbaikan jalan raya adalah pelaburan penting untuk menyumbang kepada ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan jalan raya yang lebih baik, pengangkutan barangan dan perkhidmatan menjadi lebih pantas, menjana peluang ekonomi baru di kawasan yang sebelum ini kurang akses serta memastikan rakyat dapat bergerak dengan selesa dan selamat. Tumpuan perbelanjaan pada sektor ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menangani isu kesesakan lalu lintas, mengurangkan risiko kemalangan jalan raya dan merapatkan jurang perhubungan bandar-desa demi manfaat jangka panjang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara keempat adalah mengenai dengan perumahan. Kita menyedari bahawa pemilik kediaman yang selesa dan mampu milik adalah asas kepada kualiti hidup rakyat dan serta pembentukan masyarakat yang stabil lagi makmur di bawah Skim Perancangan Perumahan Negara.

Kementerian Pembangunan akan meneruskan usaha membina rumah-rumah baru untuk memenuhi permintaan rakyat yang berkecukupan terutamanya para pemohon yang menunggu giliran pada masa ini. Beberapa projek

perumahan utama yang telah dan sedang dilaksanakan termasuk

Pertama, Projek RPN Kampung Lugu Fasa 2. Sebanyak 1,500-unit rumah teres dan rumah berkembar telah dibina di Kampung Lugu, Daerah Brunei-Muara dan Alhamdulillah, projek ini siap sepenuhnya pada bulan Mei 2024.

Kedua, Projek RPN Tanah Jambu Fasa 7. Pembinaan 1,208-unit rumah di Tanah Jambu sedang giat dijalankan dan hampir memasuki fasa akhir. Insya Allah, dengan siapnya Fasa 7 yang dijadualkan pada akhir tahun ini, kawasan Tanah Jambu akan menjadi antara kawasan RPN terbesar, menghubungkan kawasan Mentiri dan Lambak Kanan. Ini akan mewujudkan sebuah komuniti perumahan yang luas dengan prasarana yang lebih rapi, menyediakan persekitaran kejiranan yang lebih selesa kepada para penduduk.

Ketiga, Perancangan Projek RPN baru. Selain 2 projek yang telah disebutkan tadi, kementerian juga merancang beberapa projek perumahan baru di bawah RKN12. Antaranya termasuk Rancangan Perumahan Negara Kg Lumut Fasa 7 di Daerah Belait, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba Fasa 6 di Daerah Brunei Muara, Rancangan Perumahan Negara Kampung Salambigar. Projek-projek ini, kini sedang berada di peringkat awal. Kajian, reka bentuk dan kajian tapak insya Allah, setelah melalui proses perancangan terperinci dan mendapat kelulusan yang diperlukan pembinaan akan dimulakan secara berperingkat-peringkat.

Pada masa yang sama, langkah proaktif turut diambil dengan menyediakan tapak-tapak baru, melaksanakan kerja-kerja tanah dan membina infrastruktur asas awal bagi skim-skim perumahan di masa hadapan. Usaha ini penting agar sasaran jangka panjang negara dalam sektor perumahan dapat dicapai dengan lebih teratur. Sepertimana jua yang dihasratkan, matlamat keseluruhan kita ialah meningkatkan kadar pemilikan rumah di kalangan rakyat kepada 85% menjelang tahun 2035 untuk menepati sasaran wawasan.

Di samping pembinaan rumah baru, di bawah Rancangan Perumahan Negara, Inisiatif Perumahan Mampu Milik turut diberikan perhatian khusus oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Keperluan perumahan dalam kalangan rakyat bukan sahaja datang daripada permohonan Rancangan Perumahan Negara yang berdaftar tetapi juga daripada golongan tidak layak di bawah kriteria-kriteria Rancangan Perumahan Negara, namun tetap memerlukan bantuan untuk memiliki rumah sendiri.

Oleh itu, Kementerian Pembangunan sedang menggubal beberapa model kewangan yang lebih mampan dan *cost effective* bagi program perumahan termasuk meneroka kerjasama dengan swasta melalui konsep *Public Private Partnership* seperti yang disarankan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini untuk projek perumahan akan datang. Pendekatan kerjasama antara kerajaan

dan swasta ini diharap dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan dalam jangka panjang sambil memastikan lebih banyak rumah mampu milik dapat dibina.

Sebagai langkah permulaan, beberapa projek perintis sedang dikaji di mana pemaju swasta diberi peranan membina rumah mampu milik di atas tanah milik kerajaan atau tanah persendirian dengan kerajaan, membantu dari segi penyediaan infrastruktur asas atau memberi insentif tertentu. Walaupun usaha-usaha ini masih di peringkat awal, ia menunjukkan tekad dan inovasi kerajaan untuk memastikan setiap keluarga di negara ini berpeluang memiliki tempat tinggal yang sempurna.

Selain membina kediaman baru, Kementerian Pembangunan tidak melupakan perumahan yang sedia ada yang telah lama didiami oleh orang ramai. Terdapat kawasan-kawasan RPN dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati yang sudah wujud sejak puluhan tahun yang lalu dan kini memerlukan kerja-kerja naik taraf agar kekal selamat dan selesa diduduki.

Antara langkah yang sedang diambil termasuk memperbaiki sistem perparitan di kawasan perumahan yang lama yang mudah banjir, menurap semula jalan dalaman taman perumahan yang sudah rosak, menurap semula jalan-jalan dan juga memperbaiki taman perumahan yang sudah rosak serta memperbaiki dan menaik taraf kemudahan awam setempat seperti

dewan orang ramai, taman permainan dan surau.

Sebagai contoh kerja-kerja menaik taraf longkang sedang dilaksanakan di Kawasan RPN Kampung Rataie di Daerah Temburong untuk menangani isu banjir kilat di kampung tersebut. Begitu juga program penyelenggaraan berkala rumah-rumah kerajaan, misalnya membaiki bumbung yang bocor, dinding retak dan sebagainya turut terus dipergiat melalui jabatan-jabatan berkaitan.

Langkah-langkah ini akan memastikan kawasan perumahan lama kekal terpelihara, selesa dan selamat didiami. Dengan memastikan lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri yang sempurna, kerajaan berhasrat mewujudkan masyarakat yang lebih stabil dan makmur yang seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup rakyat secara amnya. Inisiatif perumahan secara langsung mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035 di mana rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi juga dapat menikmati kualiti hidup yang tinggi hasil sokongan prasarana sosial yang disediakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Insya Allah tumpuan kepada 4 prasarana asas yang disampaikan dihasratkan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan dan pertumbuhan ekonomi. Apabila negara mempunyai kemudahan infrastruktur yang *reliable*, bekalan utiliti yang terjamin serta

perkhidmatan yang cekap, para pelabur dan pihak swasta akan lebih yakin untuk melabur dan menjalankan perniagaan di negara ini. Ini akan membuka lebih banyak peluang kepada rakyat tempatan dan seterusnya merancakkan ekonomi negara secara mampan. Usaha kerajaan dalam menyediakan infrastruktur berkualiti tinggi ini merupakan asas penting untuk menarik pelaburan asing mahupun domestik sekaligus menyokong agenda kepelbagaian ekonomi yang kita sasarkan.

Akhir kata, kaola ingin merakamkan penghargaan atas sokongan padu Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian terhadap inisiatif-inisiatif Kementerian Pembangunan yang telah dibentangkan. Diharapkan kita dapat bersama-sama menjayakan inisiatif-inisiatif kerajaan secara *Whole of Nation* dengan penuh amanah dan dedikasi.

Keyakinan dan kerjasama semua pihak amatlah penting supaya hasil pembangunan ini dapat dinikmati oleh seluruh rakyat dan generasi akan datang, sesuai dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, menikmati kualiti hidup yang tinggi serta sama-sama membina ekonomi negara yang dinamik dan mampan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian, wabilahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

Memohon membuat *intervention*.

(Yang Berhormat Yang Di-Pertua telah tidak membenarkan dengan mengenakan gerakan kepala)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Info-Komunikasi: Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba/ kaola/ saya ingin merakamkan penghargaan di atas kesempatan ini untuk kaola menyampaikan perbahasan secara keseluruhan mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan tahunan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan Tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026, iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur", pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* memainkan peranan penting dalam

mendukung usaha kerajaan ke arah pembangunan negara yang lebih mampan dan inklusif.

Sejajar dengan aspirasi ini, dengan peruntukan sejumlah \$6.35 bilion, ianya akan dapat membiayai pelbagai inisiatif pembangunan infrastruktur yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Sektor pengangkutan dan infokomunikasi terus menjadi salah satu pemacu utama dalam menjana pendapatan negara serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Peramba/kaola/saya ingin mengongsikan bahawa bagi Tahun Kewangan 2024/2025, Alhamdulillah, setakat Februari 2025, jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah menyumbang pendapatan kepada kerajaan sebanyak \$32.55 juta. Selain itu, bagi Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam, AITI telah menyumbang hasil pendapatannya kepada kerajaan sebanyak \$19.5 juta pada 2024. Manakala Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam dijangka turut menyumbang sebanyak \$17.4 juta.

Jumlah keseluruhan hasil ini mencerminkan peranan penting sektor pengangkutan dan infokomunikasi dalam menggalakkan aktiviti ekonomi, memperkukuhkan daya saing negara serta menyokong pembangunan

infrastruktur dan logistik yang lebih cekap.

Adalah diakui bahawa dalam mencapai matlamat Wawasan Negara, pastinya terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditangani. Ini termasuk kemajuan dan transformasi digital yang bergerak pantas serta meningkatkan ancaman siber yang semakin kompleks.

Perubahan ini setentunya membawa peluang besar, namun pada masa yang sama menuntut kita untuk lebih bersedia dan berdaya tahan dalam mengadaptasi teknologi serta melindungi sistem dan data yang kritikal. Dalam memastikan keseimbangan antara inovasi dan keselamatan, adanya keperluan untuk memperkukuhkan dasar digital, membangun kapasiti tenaga kerja dan mempergiatkan kerjasama di antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta sektor swasta.

Sebagai langkah ke hadapan dan usaha memperkukuh pendigitalan perkhidmatan kerajaan terus diperkasakan, sebanyak \$146.5 juta diperuntukkan untuk membiayai projek teknologi maklumat di semua kementerian dan jabatan kerajaan. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan digital sektor awam, memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan serta mempercepatkan transformasi digital negara. Dalam hal ini, sebagai contoh, sebanyak 73.3% daripada jumlah perbelanjaan berulang kementerian diperuntukkan bagi keperluan teknologi dan infokomunikasi

yang merangkumi pengurusan pendigitalan, pembangunan teknologi serta keselamatan siber.

Keutamaan ini mencerminkan peranan memperkukuhkan ekosistem digital negara. Peramba/kaola/saya juga ingin mengongsikan bahawa sebanyak 103 projek transformasi digital yang telah dihadapi oleh kementerian-kementerian dan institusi-institusi pengajian tinggi telah dibincangkan dan disokong mengikuti tatacara mesyuarat *Chief Information Officer, CIO Forum*.

Dengan ini ianya selaras dengan keperluan negara ke arah menyumbang kepada *efficiency*, produktiviti, dan mengelakkan pembaziran dengan menerapkan pendekatan *Whole of Government*. Seiring dengan komitmen kerajaan dalam merealisasikan agenda transformasi digital dan juga mengambil kira saranan-saranan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai keberkesanan pelaksanaan projek-projek, salah satu inisiatif MTIC yang diusahakan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ialah dengan mengadakan bengkel *Business Process Improvement* bagi perkhidmatan kerajaan. Inisiatif ini telah pun dibahaskan di dalam mesyuarat CIO Forum kali pertama pada bulan Februari 2025, yang mana bengkel ini bertujuan untuk mengenal pasti serta menambah baik proses kerja yang sedia ada sebelum ianya didigitalisasikan agar penyampaian perkhidmatan lebih efisien, telus dan mesra pengguna.

Dengan usaha menerapkan kemahiran *Business Process Improvement*, BPI melalui bengkel ini, diharap setiap kementerian mempunyai pasukan BPI sendiri bagi memastikan kesinambungan inisiatif di dalam jangka panjang selaras dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Insya Allah, bengkel BPI ini akan mula dilaksanakan pada bulan April 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peramba/ kaola/ saya sukacita juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pelaksanaan salah satu projek *flagship* di bawah pelan induk ekonomi digital 2025 iaitu projek *Digital Identity* akan dikenali sebagai Brunei Identity Digital, ringkasnya Brunei ID.

Antara hasrat utamanya adalah bagi penyediaan satu digital *credential* untuk mengesahkan identiti individu apabila membuat transaksi atau urus niaga secara digital atau dalam talian dengan cekap, mudah dan selamat.

Fasa percubaan atau *trial rollout* bagi Brunei *Identity* Digital ini, Insya Allah akan dijalankan dalam waktu terdekat selama 6 bulan. Ianya bertujuan untuk menilai pengalaman para pengguna, mengumpulkan maklum balas bagi penambahbaikan dan memastikan ketersediaan *platform* berkenaan

sebelum ianya dilancarkan sepenuhnya kepada orang ramai.

Fasa percubaan ini akan melibatkan penggunaan *Digital Identity* bagi perkhidmatan dalam talian yang terpilih dari sektor kerajaan dan juga sektor swasta yang mana akan dapat meningkatkan jumlah pengguna sambil memberi manfaat kepada pihak-pihak berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan kemajuan teknologi seperti *Artificial Intelligence* dan perubahan ekonomi global yang pesat, ada keperluan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian agar negara ini tidak ketinggalan dan kekal berdaya saing.

Melalui pihak AITI telah pun menubuhkan kumpulan kerja urus tadbir dan etika kecerdasan buatan, *Working Group on AI Governance and Ethics*) dengan keahlian dari kalangan wakil-wakil dari 24 buah agensi kerajaan dan bukan kerajaan, sektor swasta dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Objektif utama kumpulan kerja ini adalah untuk menyediakan satu garis panduan bagi sebarang organisasi dalam membentuk, membangun dan menggunakan AI dengan mengambil kira kerumitan, *complexity* teknologi dan risiko berkaitan dengan sisitem AI. Walaupun AI berpotensi dalam mendorong inovasi dan pembangunan, ianya juga mempunyai risiko dari segi etika penggunaan AI.

Seterusnya dalam mendukung usaha inovasi penyelidikan dan perkembangan melalui Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains, CREATES setakat ini telah meluluskan 16 projek dengan jumlah kos sebanyak \$34 juta. Diharapkan projek-projek penyelidikan ini mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai komersial yang tinggi dan berdaya saing di taraf antarabangsa dan menjurus kepada menjana pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki kesejahteraan rakyat di negara ini. Saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di Dewan ini juga akan dipertimbangkan nanti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penyelenggaraan dan pembaikan aset kerajaan memainkan peranan kritikal dalam memastikan kecekapan operasi serta ketahanan infrastruktur yang menyokong penyampaian perkhidmatan awam.

Dalam sektor pengangkutan udara, keutamaan diberikan kepada peningkatan keselamatan dan keupayaan operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mendukung pertumbuhan ekonomi serta kepentingan strategik negara dalam industri penerbangan.

Antara projek-projek dan kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, ini merangkumi pembaikan landasan dan kawasan pergerakan pesawat untuk

memastikan keselamatan penerbangan dan pematuhan terhadap piawaian antarabangsa. Peningkatan peralatan pemeriksaan keselamatan dan sistem pengawasan dan peningkatan infrastruktur *aerodrome* dan kemudahan lapangan terbang termasuk sistem pencahayaan dan navigasi udara. Dengan memodenkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, ini insya Allah akan dapat meningkatkan pemeliharaan infrastruktur dan peralatan yang sedia ada. Ini secara tidak langsung dapat menyediakan kemudahan dan keselesaan pengguna secara berkesan.

Dalam perancangan untuk mempertingkatkan infrastruktur perdagangan dan logistik negara, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam, MPABD memainkan peranan penting dalam memperkembangkan dan memudah cara penggunaan serta pembangunan pelabuhan industri perkapalan dan maritim. MPABD telah membuka beberapa pelawaan bagi pengurusan Terminal Feri Serasa, Depot Kontena Pendalaman, *Inland Container Depots* dan pengubahsuaian dan pengurusan limbungan kapal di Serasa.

Dengan inisiatif ini, ia bertujuan untuk merangsang pertumbuhan sektor maritim, memanfaatkan peluang komersial dan meningkatkan daya saing industri maritim di negara ini. Bagi mendukung piawaian antarabangsa, MPABD juga sedang menyediakan platform digital yang mesra dan bersepadu iaitu *Maritime Single Window*,

satu platform yang mudah diakses bagi memastikan kelancaran operasi dalam ekosistem maritim dan pelabuhan. Sistem ini akan menyokong perkhidmatan menyeluruh bagi operasi pelabuhan termasuk perkhidmatan panduan kapal dan penundaan, *towage*. Akses melalui aplikasi adalah akan berasaskan *web* dan mudah alih dan akan diinterigasi dengan sistem utama MPABD.

Dengan perancangan dan inisiatif ini, juga berperanan dalam menarik pelaburan langsung asing, *Foreign Direct Investment* dengan mewujudkan ekosistem maritim yang kukuh, menawarkan insentif strategik serta memperkenalkan infrastruktur dan teknologi moden yang dapat menarik pelabur antarabangsa. Insya Allah, sistem ini akan mula digunakan pada suku pertama pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Secara keseluruhan, belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 dengan memberikan tumpuan dan mengutamakan kepada meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti awam, memupuk kepelbagaian ekonomi yang mampan serta pembangunan modal insan yang dinamik dan berwawasan adalah selari dengan perancangan dan pelaksanaan strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi yang berdasarkan pada *value drivers* perancangan kementerian ini iaitu menjamin keselamatan sektor pengangkutan dan alam siber,

meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, bersih dan memanfaatkan teknologi dan pemudah cara bagi mendukung kemajuan ekonomi dan pembangunan negara yang mampan.

Akhir sekali, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan terus komited untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan perkhidmatan yang efisien dan berintegriti.

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, kementerian ini juga berusaha memperkukuh sistem perkhidmatan awam melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti yang dirancang untuk menguatkan infrastruktur pengangkutan dan infokomunikasi serta memperluaskan perkhidmatan digital. Usaha-usaha ini adalah penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan memastikan kesejahteraan masyarakat Brunei secara menyeluruh.

Sekian, peramba/kaola/saya sampaikan dan semoga apa yang diusahakan akan membuahkan hasil dan mencapai impak positif yang dihasratkan kepada kemajuan dan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato Seri

Setia Dr Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. *(Doa dibaca).*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan ulasan berkaitan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026 dan kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghormatan kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, atas pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2025), Perbekalan 2025/2026. Kaola dengan penuh keyakinan menyatakan sokongan sepenuhnya terhadap usaha ini, yang mencerminkan komitmen berterusan terhadap kemajuan dan kesejahteraan negara.

Ulasan kaola akan lebih ditumpukan kepada belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Cadangan peruntukan yang disokong untuk Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026 sebanyak BND107.45 juta, iaitu sejumlah BND70.68 juta di bawah peruntukan perbelanjaan biasa bagi membiayai emolumen sebanyak BND41.55 juta; dan perbelanjaan berulang-ulang sebanyak BND29.13 juta. Bagi projek RKN12, harga rancangan sebanyak BND284.96 juta untuk diperuntukkan, yang mana sebanyak BND36.77 juta telah disokong untuk disediakan di bawah peruntukan perbelanjaan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2025/2026.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penekanan utama dalam cadangan peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 ini adalah bagi memberi fokus kepada perancangan dan pelaksanaan program dan inisiatif yang menjurus kepada usaha-usaha untuk:

Pertama, mendukung pertumbuhan dan peningkatan keluaran industri di bawah sektor makanan;

Kedua, Mendukung pertumbuhan dan pembangunan industri pelancongan; dan Mendukung pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan, bukan saja ke arah pemuliharaan alam sekitar malah juga menyumbang ke arah perkembangan ekonomi negara.

Dalam mendukung pertumbuhan serta peningkatan keluaran dari sektor

makanan dan menjamin sekuriti makanan negara, ia bukan sahaja memfokus kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran dari aktiviti-aktiviti keluaran primer tetapi juga memfokus kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran dari aktiviti-aktiviti industri pemprosesan dan nilai tambah berasaskan pertanian dan perikanan, termasuk mengukuhkan keseluruhan ekosistem dan rantai nilai yang berkaitan dengan industri ini.

Pengeluaran makanan dalam negara akan terus dipergiatkan melalui perancangan dan pelaksanaan berterusan oleh kementerian dan agensi berkenaan. Dengan kerjasama erat, para pengusaha sebagai nadi utama industri serta pendekatan *Whole-of-Nation* dan *Whole-of-Government*, cabaran sektor ini dapat ditangani, insya Allah, sambil meneroka peluang baharu.

Sepanjang tahun 2024, pelbagai inisiatif telah dijalankan dan kejayaan masa depan bergantung kepada komitmen semua pihak. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, fokus utama penggunaan peruntukan bagi tahun ini akan ditumpukan kepada usaha-usaha untuk menaik taraf dan menyediakan *infrastructure* asas industri yang mana diharapkan semua kawasan kemajuan pertanian dan perikanan mempunyai bekalan elektrik, air, saliran yang mencukupi dan kondusif. Ini adalah bagi memudahkan para pengusaha untuk memulakan dan mengembangkan perusahaan dalam menyumbang ke arah *food security*.

Selain daripada itu peruntukan disalurkan juga bagi menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam pertanian dan perikanan bagi meningkatkan produktiviti ladang. Usaha juga di perkukuhkan untuk mempraktikkan pengurusan urus tadbir ladang yang baik serta menarik lebih ramai pengusaha baru terutama sekali para belia ke sektor ini.

Keutamaan turut di berikan kepada program peningkatan kapasiti dan keupayaan jabatan-jabatan sebagai *competent authority* khususnya dalam keselamatan dan kualiti makanan serta akses pasaran. Ini merangkumi penyediaan makmal rujukan yang diiktiraf dan tenaga pakar terlatih untuk memenuhi piawaian antarabangsa seperti *Brunei Good Agricultural Practice*, *Brunei Good Aquaculture Practice* dan *HACCP*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, fokus dan penekanan ini adalah selaras dengan Peta Jalan Industri Makanan yang menjadi asas panduan ke arah memacu pertumbuhan dan peningkatan keluaran sector makanan, khususnya keluaran makanan yang halal, selamat dan berkualiti.

Dengan adanya perkembangan dan pertumbuhan keluaran yang positif serta pengukuhkan keseluruhan ekosistem dan rantai nilai yang berkaitan dengan industri di bawah sektor makanan ini, ianya akan dapat menyumbang secara signifikan pada peningkatan KDNK, *food*

security dan juga pada pertumbuhan jumlah dan nilai eksport negara.

Kementerian ini juga telah memperkenalkan *Regenerative Agriculture* yang di harap akan dapat meningkatkan productiviti keluaran tanaman dengan memulihkan kesuburan tanah melalui penggunaan kompos dihasilkan dari bahan tinja ladang, sambil mempelbagaikan *biodiversity* dan menghasilkan tanaman berkualiti tanpa menjejaskan sumber semula jadi.

Bagi mengukuhkan pengeluaran padi dan beras Negara, Kementerian ini juga terus menjalankan penyelidikan bagi mengenalpasti *variety* padi unggul, berhasil tinggi dan menepati citarasa pengguna. Kementerian Sumber-Sumber Utama telah menandatangani satu memorandum persefahaman dengan Ministry of Agriculture and Rural Affairs, Republik Rakyat China pada 25 Disember 2024 termasuk cadangan penubuhan *Hybrid Rice Research Centre* dan memudahcara pembekalan benih rice, padi *hybrid* ke negara ini.

Dari segi eksport, sejak penghujung tahun 2023, kita telah berjaya mengeksport telur ayam sebanyak 22 juta biji telur ayam dengan nilai sekitar \$4 juta ke Republik Singapura. Selain itu, kita juga berjaya mengeksport produk proses berasaskan daging ke Sabah, Sarawak dan buat julung kalinya ke Republik Singapura pada Disember 2024. Secara keseluruhannya nilai eksport pertanian dan makanan mencapai sekitar \$5 juta iaitu peningkatan 72% dari tahun lepas.

Usaha-usaha ini ke arah menggalakkan dan meningkatkan eksport akan terus dilaksanakan antaranya seperti melalui program *Export Drive Initiatives*.

Di samping itu juga selain daripada *Industry Primer*, Kementerian ini juga dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, melalui *Capacity Enhancement Programme* kian giat berusaha untuk membangun industri agrimakanan termasuk melibatkan syarikat-syarikat *homebased*. Usaha ini bertujuan untuk merangkumi seluruh rantai nilai industri makanan supaya dapat diusahakan dan dimanfaatkan dalam negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya bagi mendukung pertumbuhan dan pembangunan industri pelancongan, pihak Kementerian sedang dalam proses penyediaan dan mengemaskinikan hala tuju strategik dan inisiatif-inisiatif yang dikenal pasti untuk dilaksanakan seperti yang dirancang di dalam Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan.

Dengan peruntukan yang diberikan, Kementerian akan terus memberi penekanan kepada usaha-usaha ke arah membangun, mempelbagai, mengukuhkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan berteraskan *culture, nature* dan juga *adventure*; selain memastikan kemudahan, infrastruktur serta pemberian perkhidmatan pelancongan akan terus dipertingkatkan bagi menarik serta

meningkatkan jumlah pelancong ke negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dari segi promosi dan pemasaran beberapa inisiatif projek dan acara telah diungkayahkan seperti mengadakan *Brunei December Festival*, *Brunei Gastronomy Festival*, Kenali Negara Ketani, Ekspo Produk Tempatan dan *Mid-Year Conference and Exhibition*. Kementerian ini juga telah menyertai acara pameran atau ekspo dan sesi *networking* di luar negara seperti Republik Korea, Republik Singapura, Jepun dan baru-baru ini di Republik Indonesia dan juga Miri, Sarawak.

Selain dari itu, pihak Kementerian ini juga mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancong yang menarik dengan menjemput *Social Media Influencers*; dan juga mengadakan lawatan suaikenal dengan agen-agen pelancongan dari luar-luar negara sasaran. Anatar produk pelancongan yang khusus yang difokuskan adalah seperti pelancongan Pendidikan, *golf*, *Islamic*, *birdwatching* dan *diving*. Kementerian ini juga bekerjasama dengan *online travel agent* seperti *Trip Adviser*, *Expedia* dan *Agoda* bagi membolehkan pelanggan membuat tempahan bilik secara langsung.

Dari segi pembangunan produk, antara usaha-usaha Kementerian ini dalam meningkatkan tarikan dan juga mempelbagaikan produk pelancongan adalah menyediakan *directory* produk pelancongan secara *online* iaitu ExploreBrunei bagi membantu ejen-ejen

pelancongan tempatan membangunkan pakej-pakej aktiviti dan produk-produk pelancongan yang lebih menarik.

Seterusnya dari aspek tenaga kerja dan pembangunan kapasiti pula, pelbagai kursus-kursus dan latihan telah diungkayahkan bagi meningkatkan lagi pencapaian dan kualiti perkhidmatan yang disediakan untuk para pelancong. Antara lainnya adalah *Basic Birdwatching Specialized Tourist Guide Course*, *Ulu Temburong National Parks Trail*, *Bandar Seri Begawan Heritage Trail*, *Knowledge Training in Storytelling*. Sebagai strategi lanjut, taklimat dan jerayawara juga diadakan di institusi-institusi pendidikan dan Kompentasi dan Laluan Kerjaya juga di rangka di bawah *Manpower Industry Steering Committee for Hospitality and Tourism* bagi menarik lebih ramai lagi anak tempatan untuk terlibat dalam industri pelancongan.

Selain ini, selain itu, projek-projek Rancangan Kemajuan Negara dan projek-projek *Public-Private Partnership* juga telah dilaksanakan bagi menyediakan dan menambahbaik infrastuktur-infrastruktur destinasi pelancongan di negara ini. Sebagai contoh pemasangan papan-papan maklumat di destinasi pelancongan dan papan tanda di lebuhraya dan di jalan raya kampung bagi memudahkan pengunjung dan meningkatkan pengetahuan para pemandu pelancong.

Pihak Kementerian dan pihak berkepentingan seperti *Brunei Economic Development Board* dan Kedutaan Asing di negara ini akan terus berusaha dalam

menarik penglibatan Pelaburan Langsung Asing terutama sekali dalam pembangunan produk dan tawaran pelancongan baharu serta yang sedia ada. Pada masa ini, Kementerian sedang meneliti dua kertas cadangan yang telah diterima yang melibatkan *Public-Private Partnership* dan *Foreign Direct Investment*.

Di samping itu kementerian juga bekerjasama dengan syarikat-syarika penerbangan seperti Royal Brunei, AirAsia, Singapore Airlines dan syarikat penerbangan baru untuk mengukuhkan kesalinghubungan udara bagi meningkatkan jumlah pelancong ke Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam mendukung pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan negara, pihak Kementerian akan terus memberi perhatian dalam usaha pemuliharaan hutan bagi menyokong pembangunan lestari, Dasar Perhutanan Negara dan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim. Kementerian ini akan terus komited menyokong pemeliharaan sumber hutan bagi Program Penghijauan dan Pemulihan Hutan yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti hutan sebagai penyerap karbon.

Sejak tahun 2020, secara kumulatif sejumlah 185 ribu pokok telah di tanam iaitu mencapai 37% daripada sasaran penanaman 500 ribu pokok menjelang tahun 2035. Kementerian ini sedang juga melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meneroka potensi perdagangan karbon dalam meningkatkan kutipan hasil

kerajaan termasuk perlaksanaan kajian keboleh pelaksanaan projek karbon hutan dan projek inventori sumber hutan dan juga kerjasama dengan pihak yang berkaitan seperti Pejabat Perubahan Iklim Brunei. Inisiatif ini mendukung strategik enam, *carbon pricing* di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Dalam mengembangkan industri perkayuan ke arah meningkatkan sumber sektor perhutanan pada KDNK, industri hiliran dan nilai tambah perkayuan akan memfokuskan dalam meningkatkan *supply chain*. Daripada industri *premier* melalui penggunaan kayu-kayu tempatan untuk diproses. Sejak tahun 2022, ekspo produk perkayuan telah dianjurkan yang bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan produk perkayuan tempatan. Kementerian ini juga telah melancarkan logo *Brunei Wood Product*. Semasa perasmian Ekspo Produk Perkayuan 2024 bertujuan untuk mengiktiraf produk-produk perkayuan tempatan negara sebagai produk yang berkualiti tinggi dan seterusnya menjamin penerimaan dari pasaran tempatan dan jua luar negeri, dengan penekanan kepada penggunaan bahan kayu yang dibekalkan dari sumber hutan yang mampan dan boleh dikesan sumbernya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola juga ingin menzahirkan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan menerima baik cadangan-cadangan yang telah

dibahaskan pada hari Selasa yang lalu. Antara lain daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, yang memberi saranan ke atas pentingnya peruntukan mencukupi bagi memajukan bidang pertanian serta mengadakan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, bekalan elektrik, saliran, pemasaran, pembetulan, subsidi kewangan, *research and development* serta peruntukan untuk membantu industri permakanan seperti pengeluaran padi, ternakan dan selainnya. Selain dari industri permakanan, Yang Berhormat juga mengajukan berkaitan kecukupan peruntukan bagi industri pelancongan yang memerlukan destinasi dan pakej yang menarik, kemudahan pengangkutan awam yang efisien serta penginapan, tempat makan dan kemudahan pelancong di tempat-tempat lain untuk disediakan.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck telah mengemukakan cadangan mengenai sektor pertanian khususnya rangka tindakan keselamatan makanan nasional yang lebih komprehensif termasuk kajian strategik terhadap tanah pertanian yang berpotensi meningkatkan sistem pengairan yang lebih efisien dan penggunaan teknologi dalam pertanian.

Selain itu, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin juga mencadangkan kajian mengenai rantaian bekalan, *supply chain* dengan memfokuskan kajian bagi satu jenama produk makanan tertentu dan mengenal

pasti penyelesaian dan untuk meningkatkan kecekapan dan pengurangan kos.

Sementara Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed mencadangkan bagi kerajaan memperkenalkan insentif khas pada usahawan tempatan yang ingin menceburi sektor pelancongan termasuk dalam pembangunan *homestay*, perkhidmatan pelancongan ekologi dan program pelancongan komuniti. Sehubungan dengan cadangan-cadangan di atas, pihak kementerian akan memastikan peruntukan yang disediakan akan digunakan sebaik-baiknya bagi tujuan penyediaan infrastruktur yang mencukupi di kawasan-kawasan kemajuan pertanian dan perikanan. Seperti yang kaola nyatakan tadi, aktiviti *research* dan *development* juga akan dilaksanakan termasuk cadangan penubuhan *Hybrid Rice Research Centre* di negara ini.

Kementerian ini juga sedang merangka pelan tindakan jaminan keselamatan makanan termasuk rangkaian bekalan dengan agensi-agensi berkenaan. Di samping itu, peruntukan kewangan juga telah digunakan bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti promosi mengukuhkan produk-produk pelancongan di negara ini. Berkenaan dengan cadangan untuk memperkenalkan insentif khas kepada usahawan tempatan ingin menceburi sektor pelancongan termasuk pembangunan *homestay*, perkhidmatan pelancongan ekologi dan juga program pelancongan komuniti. Sebenarnya jika

diurus secara komersial bukan sekadar acara sosial semata-mata, ia aktiviti-aktiviti ini akan dapat memberikan pulangan yang menguntungkan dan tidak memerlukan insentif kewangan dari pihak kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, mana-mana cadangan yang telah dinyatakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi, pihak kementerian mengambil maklum mengenainya dan akan meneliti dengan lebih lanjut kesesuaian dan cadangan-cadangan tersebut untuk diserapkan ke dalam pelan pelaksanaan kementerian ini. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama jabatan-jabatan dibawahnya sungguh komited untuk meneruskan program sedia ada serta merangka strategi baru bagi meningkatkan pengeluaran sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan. Usaha dipergiatkan untuk menarik lebih banyak pengusaha termasuk *GLC's* dan pelabur langsung asing serta mendorong mereka agar progresif, bersemangat dan menerapkan teknologi moden serta tadbir urus yang baik. Ini adalah demi untuk meningkatkan hasil pengeluaran KDNK, sekuriti makanan, eksport dan juga peluang pekerjaan yang bagi anak tempatan.

Sekianlah saja yang dapat sampaikan sebagai ulasan dan makluman asas berkenaan pencapaian dan perkembangan terkini aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kementerian ini. Setinggi-tinggi terima kasih kaola

ucapkan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas peluang yang diberikan. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Terlebih dahulu, kaola ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang yang diberikan bagi kaola untuk memberikan ulasan berkenaan beberapa isu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan dasar pada hari Selasa, 3 Ramadan 1446 bersamaan 4 Mac 2025 dan hari Rabu, 4 Ramadan 1446 bersamaan 5 Mac 2025 yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Peramba, kaola, saya ingin menjunjung, setinggi-tinggi menjunjung kasih dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas soalan-soalan yang diajukan. Pertama sekali, mengenai tindakan-tindakan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kearah memperkasa dan melibatkan golongan

belia dalam membentuk masa depan ekonomi Brunei Darussalam yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee. Pendekatan kementerian ini dalam meneruskan usaha untuk meningkatkan program-program bagi menjana belia harapan dan berwawasan sebagai peneraju pembangunan negara adalah berteraskan kepada peningkatan usaha pengupayaan, pemerkasaan dan penglibatan belia secara inklusif yang berasaskan konsep Melayu Islam Beraja, MIB.

Pertama, pengupayaan belia terus menjadi keutamaan melalui pelbagai inisiatif latihan kemahiran, kepimpinan, jati diri, inkubator keusahawanan serta pemberian *micro grant* bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam mendapatkan pekerjaan yang bermakna dan juga memulakan usaha perniagaan. Usaha-usaha ini dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia, Pusat-Pusat Bahagia, *Outward Bound Brunei Darussalam* dan juga Bahagian Khidmat Bakti Negara. Keberkesanan program ini dapat dilihat melalui kadar kebolehpasaran pelatih Pusat Pembangunan Belia yang telah mencapai 78%, dengan 61% berjaya mendapat pekerjaan, 5% menceburi bidang keusahawanan dan 12% meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain daripada itu, pada tahun ini seramai 15 orang alumni Program Khidmat Bakti Negara ataupun PKBN, telah diberikan kelayakan sebagai

jurulatih bagi siri pertama dan ini menandakan kejayaan program dalam melahirkan tenaga muda yang berdaya saing dan bersedia untuk menyumbang kepada masyarakat.

Kedua, pemerkasaan belia juga terus diberi keutamaan dengan menyediakan peluang dan platform bagi mereka untuk terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan, merangka dasar dan menyusun strategi pembangunan belia. Dalam hal ini, mekanisme seperti *Instagram*, hub belia, dialog dan forum belia, Kongres Belia Kebangsaan serta *Youth Town Hall* adalah memainkan peranan penting dalam pembentukan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035 yang menjadi asas kepada pelan tindakan serta hala tuju pembangunan belia secara menyeluruh.

Bagi memastikan pelan tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi atau DBNS kekal relevan dengan perkembangan semasa, para belia turut dilibatkan dalam proses kajian semula dan pemantauan pelaksanaannya sekali gus memastikan dasar dan inisiatif yang digariskan benar-benar memenuhi keperluan serta aspirasi mereka. Di samping itu, penglibatan sebahagian daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga adalah merupakan salah satu contoh penglibatan dan pengiktirafan terhadap golongan belia dalam sama-sama membantu pihak kerajaan melaksanakan penggubalan dan pembentukan dasar di negara ini.

Mengenai Kongres Belia Kebangsaan, insya Allah, ianya dirancang untuk dilaksanakan pada penghujung tahun 2025 ini bagi menilai pelaksanaan resolusi Kongres Belia Kebangsaan 2019 dan menyediakan resolusi baharu bagi membantu pembentukan perancangan pelan tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi bagi tempoh 2026 hingga ke 2030.

Alhamdulillah, *Youth Town Hall* atau *YTH*, juga merupakan salah satu inisiatif yang berjaya dilaksanakan oleh *Youth Professional Network*, YPN yang terus menjadi platform penting bagi belia menyuarakan pandangan serta menyumbang kepada pembangunan negara. Ke semua inisiatif ini adalah selari dengan kajian Indeks Pembangunan Belia yang sedang dikendalikan oleh *Centre for Strategic and Policy Studies*, *CSPS* yang mana laporan tersebut akan menghasilkan semakan penilaian pelaksanaan Dasar Belia Negara dan Strategi bagi tempoh 2020 - 2035 dan impak pelan tindakan bagi tempoh 2020 - 2024.

Ketiga, penglibatan aktif belia menerajui inisiatif atau program pembangunan belia terus menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Ini adalah hasil dari kerjasama rapat para belia mendukung usaha dan matlamat kementerian abiskaola dan negara, sebagai contoh penyertaan belia dalam aktiviti kesukarelawanan semasa Kempen Hari Betindak atau *Day of Action*, *DOA* telah mencatat peningkatan sebanyak 29% dengan penglibatan

seramai 9,000 belia berbanding 7,728 penglibatan belia pada tahun 2024. Selain itu, lebih daripada 12,000 belia turut serta setiap tahun dalam pelbagai kempen kesedaran, termasuk Kempen Kesihatan Mental, acara keagamaan, inovasi hijau, perubahan iklim serta jati diri belia di samping aktiviti berkaitan warisan budaya, seni dan kreatif.

Peramba/kaola/saya juga ingin mengongsikan satu contoh terbaru di mana ketika negara dilanda bencana banjir baru-baru ini, para sukarelawan belia telah menunjukkan semangat pemedulian yang tinggi dengan meluangkan masa dan berganding bahu bersama pihak kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan seperti Sukarelawan Belia dan Persatuan Kereta Tahan Lasak Brunei, PKTLB. Melalui usaha bersama ini, mereka berjaya menghantar bantuan makanan, iaitu *ration* makanan kepada golongan yang memerlukan sekali gus mencerminkan semangat kesukarelawanan dan keprihatinan belia dalam membantu masyarakat yang terkesan. Semua ini sebenarnya berjaya dikendalikan dengan makluman yang diberi dalam masa yang singkat. Ianya berjaya diungkayahkan dengan kerjasama yang erat dan padu di antara pihak kerajaan, persatuan belia dan juga Persatuan Kereta Tahan Lasak Brunei.

Berhubung dengan tindakan untuk menyediakan satu dana pembangunan belia, kementerian abiskaola menyambut baik cadangan ini dan ianya sudah setentunya akan diteliti lagi secara

terperinci. Sukacita jua mengongsikan bahawa kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah \$70,000.00 di dalam Tahun Kewangan 2024/2025 di bawah Skim PERKASA bagi program-program pembangunan kapasiti yang diterajui oleh belia. Kementerian ini akan meningkatkan lagi usaha, memberigakan skim ini agar menarik minat lebih ramai belia untuk lebih bermotivasi dan aktif mengungkayahkan program pembangunan belia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya kaola mengambil maklum dan menyambut baik akan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin berkenaan usaha bagi memaksimakan penggunaan kompleks sukan khususnya padang bola sepak bagi menjana pendapatan hasil negara dan juga cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkenaan pengemaskinian kadar sewa kemudahan sukan.

Ini sebenarnya adalah sejajar dengan usaha berterusan kementerian abiskaola untuk memastikan kemudahan sukan yang disediakan dapat dimanfaatkan secara optima dan efisien oleh orang ramai sekaligus akan dapat membantu memantapkan lagi kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan di bawahnya. Terutama sekali dalam kerja-kerja pemeliharaan dan penyelenggaraan prasarana sukan

di bawah kawalan kementerian abiskaola.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat 17 padang bola sepak termasuk padang guna sama di bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Padang-padang ini sememangnya digunakan secara optimum dan sentiasa dalam keadaan terjaga serta disewakan dengan teratur. Namun demikian, kementerian abiskaola kekal komited untuk meneroka kaedah terbaik dalam mempertingkatkan lagi penggunaan padang bola sepak di bawah kawalan kementerian abiskaola agar ianya lebih memberi manfaat kepada masyarakat serta dapat menjana hasil kepada kerajaan.

Dalam usaha ini, kementerian ini sedang meneroka peluang-peluang baru untuk mengoptimakan penggunaan padang-padang bola sepak melalui kaedah penswastaan atau pun PPP Bagi membolehkan padang-padang bola sepak yang telah dikenal pasti digunakan dengan secara lebih strategik. Beberapa padang bolasepak atau kompleks sukan yang berpotensi telah pun dikenal pasti untuk dibukakan tawaran bagi projek penswastaan kepada pihak swasta atau organisasi tertentu bagi tujuan aktiviti sukan, kejohanan serta program pembangunan sukan yang lebih sistematik.

Selain daripada itu, kementerian abiskaola juga sedang dalam proses mengemaskinkan kadar-kadar sewa

padang bola sepak termasuk kompleks-kompleks sukan bagi memastikan kadar yang dikenakan adalah berpatutan dan bersesuaian dengan kemudahan yang disediakan. Pengemaskinian ini juga mengambil kira berbagai-bagai faktor antaranya kos penyelenggaraan, tahap atau *standard* kemudahan yang disediakan serta nilai tambah yang boleh diberikan kepada pengguna dan juga pada masa yang sama kita juga mahu memberi galakan yang bersesuaian kepada orang ramai mahupun belia-belia yang bersukan untuk bersukan ke arah gaya dan mengamalkan gaya yang hidup yang sihat.

Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan kadar sewa yang dikenakan adalah bersesuaian dan kompetitif yang secara tidak langsung menyumbang kepada penjana hasil kerajaan yang nantinya boleh digunakan untuk menaik taraf serta mengekalkan kemudahan sedia ada, supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selesa untuk digunakan.

Sejajar dengan ini, usaha bersepadu kementerian abiskaola dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan pengurusan kemudahan sukan, kementerian ini juga sedang giat melaksanakan proses penaiktarafan kompleks-kompleks sukan termasuk dewan dan padang yang mempunyai potensi untuk dikenakan kadar sewa yang lebih kompetitif. Inisiatif ini bukan sahaja dapat menambah bisai kualiti atau *standard* kemudahan yang disediakan, tetapi juga berperanan dalam

menyokong pembangunan sukan secara lebih mampan dan menyeluruh.

Di samping itu, kementerian ini juga sedang meneroka peluang dan strategi lain bagi memperluaskan penggunaan kompleks-kompleks sukan dan juga padang-padang bola sepak dengan melibatkan lebih banyak sektor swasta, kelab-kelab bola sepak tempatan atau akademi bola sepak remaja dalam penyewaan padang bola sepak bagi tujuan latihan dan kejohanan secara lebih teratur, mengikut persyaratan yang sedia ada.

Kementerian ini juga akan terus berkolaborasi dengan pihak berkepentingan lain seperti persatuan bola sepak, institusi pendidikan dan sektor korporat bagi memastikan kemudahan ini dapat dimanfaatkan secara lebih berstruktur dan menjadikan kompleks-kompleks sukan dan padang-padang bola sepak di bawah kawalan kementerian ini sebagai platform mengenal pasti serta pembangunan bakat atlet tempatan.

Kementerian abiskaola juga akan terus komited dalam memastikan kemudahan sukan yang sedia ada akan terus digunakan dengan sebaiknya dan dalam masa yang sama dapat memberi pulangan yang positif kepada negara serta manfaat kepada masyarakat dalam sama-sama menyumbang kepada peningkatan hasil kerajaan secara mampan.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai persoalan yang diajukan oleh Yang

Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam berkaitan tahap kemiskinan di negara ini dan usaha-usaha yang diambil terhadap golongan ini. Insya Allah kaola akan huraikan secara terperinci sebagai kenyataan menteri nanti apabila giliran kaola untuk membentangkan kenyataan menteri.

Jadi, sekian saja yang dapat kaola sampaikan, jadi sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua di atas peluang menyampaikan ulasan pada pagi ini. Sekian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Alhamdulillah kita telah pun mendengar perbincangan peringkat dasar. Saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada hari ini dan saya cadangkan supaya mesyuarat kita ini ditangguhkan. Insya Allah kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 8 Mac 2025 sebagaimana lazim mulai daripada pukul 9.30 pagi.

Sekian. Wabillahit taufik wal hidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)